Kursus ini memperkenalkan pelajar kepada bidang dan skop penulisan berita dan rencana. Beberapa struktur berita dan rencana akan dibincangkan. Pelajar juga didedahkan kepada strategi penulisan bersifat semasa, kreatif, naratif dan bukan fiksi yang menepati prinsip penulisan kewartawanan. Kursus ini membolehkan pelajar mendekati prinsip dan falsafah teori penilaian dan pemilihan berita dan rencana. Penekanan diberikan kepada teknik pengumpulan maklumat untuk pengisian berita dan rencana, struktur penulisan dan etika serta tanggungjawab sebagai wartawan. Pada akhir kursus, pelajar akan dapat memahami apa yang dikatakan rencana dan berita yang baik.

This course introduces students to the field and scope of news and feature writing. Various news and feature structures will be discussed. Students are exposed to various journalistic writing strategies including deadline writing, creative, narrative and non-fiction writing that meet the demand of journalistic principles. This course will enable students to understand the principles and philosophy of news evaluation and selection of features and news. Emphasis will be given to the techniques of information gathering for news and features, writing structure, ethics and responsibilities of journalists. By the end of the course, students should be able to understand what entails good features and news.

Bacaan Asas

- Filak, F. F. 2017. *Dynamics of News reporting and writing*. Singapore: CQ Press.
- Melki, J., Tamim, H., Hadid, D., Makki, M., El Amine, J., Hitti, E. 2021. *Mitigating infodemics: The relationship between news exposure and trust and belief in COVID-19 fake news and social media spreading*. PLoS ONE, 16(6): e0252830. <https://doi.org/10.1371/journal.pone.0252830>.
- McNair, B. 2017. *Fake news: Falsehood, fabrication and fantasy in journalism*. New York: Routledge.
- Montesi, M. 2021. *Understanding fake news during the Covid-19 health crisis from the perspective of information behaviour: The case of Spain*. Journal of Librarianship and Information Science, 53(3): 454–465. <https://doi.org/10.1177/0961000620949653>.
- Pickering, I. 2018. *Writing for news media*. The storyteller's craft. New York: Routledge.
- Trujillo, T. 2017. *Writing and reporting news you can use*. New York: Routledge.

SKKC1053 Penulisan Skrip dan Apresiasi

Kursus ini adalah kursus asas penulisan dan penghayatan kandungan media elektronik. Kursus ini memperkenalkan kepada pelajar aspek-aspek teori dan amali penulisan skrip untuk media elektronik. Jenis media yang diliputi adalah radio, televisyen, filem dan media baharu. Jenis penulisan yang ditekankan adalah penulisan untuk iklan, hebahan khidmat awam, drama, genre bual bicara termasuk dokumentari. Beberapa konsep utama penulisan juga dijelaskan seperti idea, bahasa, struktur dan kesinambungan.

Pelajar akan dibimbing untuk melalui setiap peringkat proses penulisan. Kursus ini memberi perhatian terhadap kebolehan pelajar menjana idea berasaskan penyelidikan serta mencari pendekatan penulisan yang inovatif dan kreatif. Beberapa kandungan media elektronik terpilih akan ditayangkan untuk proses penghayatan kandungan media secara sistematik. Pada akhir kursus pelajar boleh menulis skrip dan membuat apresiasi rancangan media.

This is a basic course on writing and appreciation of electronic media content. The course introduces students to the conceptual and practical aspects of script writing for the electronic media namely radio, television, film and new media. The course will focus on the following types of writing: advertising copy, public service announcements, drama and writing for talk genres such as features and documentaries. Some key concepts of writing such as ideas, language, structure and continuity will be explained. Students will be guided through every level of the writing process. The course will give attention to the strategy of blending ideas and research into innovative and creative writing approaches. Students will be exposed to selected radio, television, and film contents in order to systematically familiarise them with the appreciation process. By the end of the course, students can write scripts and appreciate media programmes.

Bacaan Asas

- Barnas, Frank; White, Ted. 2018. *Broadcast News Writing, Reporting, and Producing*. 7th ed. Hoboken: Focal Press.
- Dancyger, K. 2019. *Storytelling for film and television: From first world to last frame*. Oxon: Routledge.
- Drennan, M., Baranovsky, V. & Baranovsky, Y. 2017. *Scriptwriting 2.0: Writing for the Digital Age*. New York: Routledge.
- Rich, C. 2017. *Writing and Reporting News: A Coaching Method (Mass Communication and Journalism)*. Singapore: Cengage Learning.
- Seger, L. 2019. *The collaborative art of filmmaking: From script to screen*. Ed.Ke-3. Oxon:Routledge.

SKKC1063 Khalayak dan Wacana Media

Kursus ini berfokus kepada pelbagai pendekatan untuk mentakrif dan meneliti konsep khalayak media. Hubungan kompleks media-khalayak turut diterokai, di samping memperkenalkan kaedah dan beberapa pendekatan kualitatif dan kuantitatif untuk menganalisis khalayak. Beberapa wacana media kontemporari juga diperdebatkan. Pada akhir kursus, pelajar memahami konsep khalayak, serta mampu menganalisis wacana media dengan kritis.

The course focuses on the various ways of defining and studying media audience. The complexities and fluidity of media audience relationship are explored and examined. It also discussed the various methodologies of audience analysis using both qualitative and quantitative approaches. In addition contemporary media discourses are also debated. By the end of the course, students can understand the concept of audience and its complexities, as well as critically analyse media discourses.

Bacaan Asas

- Berger, A. A. 2019. *Media analysis techniques*. 6th edition. Thousand Oaks: Sage Publications, Inc.
- Brandt, J. & Clare, C. 2018. *An introduction to popular culture in the US. People, politics and power*. New York: Bloomsbury Publishing USA.
- Kjeldsen, J. E. (ed.). 2018. *Rhetorical Audience studies and reception of rhetoric. Exploring audiences empirically*. London: Palgrave Macmillan.
- Ponzanesi, S. 2018. *Postcolonial theory in film. Cinema and media studies*. Oxford Bibliographies Online. www.oxfordbibliographies.com.
- Stokes, J. 2020. *How to do media and cultural studies*. 3rd edition (forthcoming). Thousand Oaks: Sage Publications, Inc.

SKKC2073 Kewartawanan Siaran

Kursus ini memberi pendedahan kepada pelajar tentang kewartawanan siaran menerusi tiga aspek utama, iaitu pengumpulan dan penulisan berita; persembahan berita; dan pengurusan berita untuk siaran radio dan televisyen. Pelajar juga didedahkan kepada proses penerbitan rancangan-ancangan bercorak berita di radio dan televisyen, di samping menilai dan mengapresiasi rancangan-ancangan tersebut. Pada akhir kursus, pelajar mampu menerbitkan rancangan kewartawanan siaran.

The course introduces students to the practice of broadcast journalism through three primary aspects, i.e, gathering and writing news; presenting news; and managing news, for radio and television. Students are also exposed to the whole production process of the news genre, as well as evaluating and appreciating the genre. By the end of the course, students can produce a broadcast journalism programme.

Bacaan Asas

- Dowling, D.O. 2020. *The gamification of digital journalism: Innovation in journalistic storytelling*. New York: Routledge.
- Dvorkin, L. 2012. *The Forbes Model for Journalism in the Digital Age: Training a New Generation of Entrepreneurial Journalists*.
- Hill, S. & Bradshaw, P. 2018. *Mobile-first journalism: Producing news for social and interactive media*. Oxon: Routledge.
- Hudson, G. & Rowlands, S. 2014. *The broadcast journalism handbook*. Ed. ke-2. Oxon: Routledge.

- Jukes, S., McDonald, K. & Starkey, G. 2017. *Understanding broadcast journalism*. Oxon: Routledge.
- Stewart, P. & Alexander, R. 2016. *Broadcast journalism: Techniques of Radio and Television News*. 7th Ed. New York: Routledge.

SKKC2083 Media Global

Kursus ini membincangkan pembentukan dan pengaruh sistem media dan komunikasi dunia. Tumpuan diberikan kepada saluran dan perkembangan dalam bidang komunikasi dan media yang mempengaruhi pola di peringkat global seperti pengaliran maklumat dan jaringan berita, pengampang global, pemilikan media, komunikasi rentas sempadan dan hak komunikasi. Kursus ini juga mendedahkan pelajar kepada isu-isu mutakhir yang berhubung dengan imperialisme dan globalisasi media. Pada akhir kursus, pelajar memahami isu-isu berkaitan media global.

The course discusses the formation and influence of media systems and world communications. The focus will be on the channels and development in media and communication that influence the pattern of information flow and news network, global gatekeeping, media ownership, inter-boundary communications and communication rights at the global level . The course will also expose the students to current issues relating to imperialism and media globalisation. By the end of the course, students should be able to comprehend issues related with the global media.

Bacaan Asas

- Flew, T. 2018. *Understanding global media* (2nd Edition). London: Red Globe Press.
- Lule, J. 2018. *Globalization and media: global village of babel*. Rowman & Littlefield:Maryland.
- Stam, R. 2019. *World literature, transnational cinema, and global media: Towards transartistic commons*. London: Routledge
- Cunningham, S., David, C. 2021. *Creator culture: An introduction to global social media entertainment*. New York: New York University Press.
- Ward, S.J.A, 2021. *Handbook of global media ethics*. Berlin: Springer.
- Pollock. J.C.,Vakoch,D.A. 2021. *Covid-19 in international media: Global pandemic perspectives*. London: Routledge.

SKKC2123 Pengurusan dan Penerbitan Persembahan Estetik

Kursus ini menumpukan kepada teori dan pengurusan persembahan estetik media kreatif yang menyentuh tentang pengamalan, prosedur, perancangan serta prestasi interpretif tenaga pekerja dalam aspek-aspek pra perancangan penerbitan, proses penerbitan dan analisis pasca penerbitan. Pelajar juga dibimbing meneroka idea persembahan secara kritikal dan bukan kovensi. Tumpuan kursus adalah kepada penerokaan persembahan

dan penerbitan mesej melalui audio dan visual secara lebih peka dan kritikal dengan memberi perhatian kepada aspek-aspek pemahaman, penghayatan dan pengaplikasian nilai-nilai estetika, seni dan makna yang menepati keperluan khusus media tersebut. Pada akhir kursus, pelajar mampu menerbit rancangan yang menggunakan berbilang kamera.

This course focuses on the theory and the management of creative media aesthetics, including the ability to perform a proper production planning procedure at all levels from pre to postproduction processes. Students will be guided in exploring new ideas and non conventional presentations in producing audio visual messages. The course will also focus on developing students' ability in appreciating and applying aesthetics and artistic qualities to the production according to the specific needs of the medium, particularly the medium of television. By the end of the course, students are able to produce a multi-camera production.

Bacaan Asas

Utterback, A. 2022. *Studio television production and directing: Concepts, equipment, and procedures*. (3rd Edition) Routledge: USA

Kenworthy, C. 2021. *Master shots*. (3rd Edition). Michael Wiese Productions: Seattle, United States.

Zettl, H. 2021. *Television production handbook*. (13th Edition). Cengage Learning: USA.

Jacobson, M. 2020. *Mastering multi camera techniques: From preproduction to editing and deliverables*. (2nd edition). Routledge:USA.

Singleton-Turner, R. 2020. *Cue and Cut : A practical approach to working in multi-camera studios*. (2nd Edition). Manchester University Press: United Kingdom.

SKKC2133 Penulisan Pendapat dan Komentaar Media

Kursus ini memperkenalkan pelajar kepada bidang dan skop penulisan pendapat yang meliputi penulisan editorial, penulisan komentar, penulisan kolum dan penulisan surat kepada pengarang. Pelajar diajar mengenal setiap komponen itu dan hubung kait antaranya. Kursus ini membolehkan pelajar mengenal pasti kebergunaan praktis penulisan pendapat yang dikemukakan bukan sahaja dalam media cetak tetapi juga media eletronik dan media lain. Pada akhir kursus, pelajar tahu dan mampu menulis pelbagai bentuk penulisan pendapat dan komentar media.

This course introduces students to the field and scope of opinion writing such as editorial writing, commentary, column, and letters to editors. Students are taught to appreciate the various components and the relationship between them. This course will enable students to identify the practical utility of opinion writing in print media, electronic media, and others. By the end of the course, students know and can write various forms of opinion writing and media commentary.

Bacaan Asas

- Standing, S.M. 2020. *The art of opinion writing: Insider secrets from top op-ed columnists*. Kindle Edition.
- Brosseau, D. & Kawasaki, G. 2014. *Ready to be a thought leader: How to increase your influence, impact and success*. Jossey-Bass.
- Filak, V.F. 2017. *Dynamics of news reporting & writing: Foundational skills for a digital age*. NY: CG Press.
- Foreman, G. 2016. *The ethical journalist: Making responsible decisions in the digital age*. 2nd Ed. Sussex, UK: Wiley Blackwell.
- Harrower, T. 2013. *Inside reporting : a practical guide to the craft of journalism*. 3rd Ed. NY : Mc Graw Hill.

SKKC2153 Semantik dalam Kewartawanan

Kursus ini membincangkan falsafah semantik dan teori penganalisan dan penilaian kritis makna dalam bahasa kewartawanan. Tumpuan khusus diberi kepada cara penelitian makna penulisan kewartawanan melalui ilmu semantik umum yang menitikberatkan makna intensional dan ekstensional dan laporan berita secara profesional dan objektif. Kursus ini bertujuan membina kebolehan pelajar menganalisis bahasa kewartawanan secara kritis, konstruktif dan proaktif. Pada akhir kursus, pelajar memahami aspek, fungsi dan kesan semantik dalam kewartawanan.

This course discusses the philosophy of semantics and analytical theories as well as critical evaluation of meanings in journalism language. The course emphasises the methodology in analysing meanings in journalism writings through a general semantic approach from the intentional and extensional perspectives and write news, reports professionally and objectively. The purpose of this course is to develop skills in analysing journalism language in a critical, constructive and proactive way. By the end of the course, students are able to understand aspects, functions and impact of semantics in journalism.

Bacaan Asas

- Chung, M., & Kim, N. 2020. *When I learn the news is false: How fact-checking information stems the spread of fake news via third-person perception*. Human Communication Research.
- Vincent. F. Filak. 2018. *Dynamics of news reporting and writing; Journalism in the digital-first age*. 1st Edition. United States. Sage Publication.
- Wan Mohd Nor, M., Jalli, N., Zainul, M.H., Mohamed Salleh, S., Hashim, H., Ahmad, A.L., Badrul Hisham, N.A., Kuek, S.K.K., Jamaluddin, H., & Kandasamy, D. 2022. *Modul Pembelajaran Literasi Media & Informasi*. Pusat Kajian Media & Komunikasi, FSSK, UKM.

- Yariv Tsfati, H. G. Boomgaarden, J. Strömbäck, R. Vliegenthart, A. Damstra & E. Lindgren 2020. *Causes and consequences of mainstream media dissemination of fake news: literature review and synthesis*. *Annals of the International Communication Association*, 44:2, 157-173
- Yatid, M. M. 2019. *Truth Tampering Through Social Media: Malaysia's Approach in Fighting Disinformation & Misinformation*. *IKAT: The Indonesian Journal of Southeast Asian Studies*, 2(2), 203-230.

SKKC2163 Keusahawanan Media

Kursus ini memberi tumpuan kepada prinsip-prinsip perancangan, pengurusan dan pelaksanaan strategik dalam keusahawanan media. Ia membincangkan asas-asas pengurusan termasuk aspek-aspek yang berkaitan dengan penyediaan modal insan seperti menyediakan potensi individu sebagai seorang usahawan, penyediaan kemahiran berorganisasi termasuk kemahiran berhadapan dengan krisis dalam pengurusan dan kemahiran mengesan peluang. Selain itu kursus ini juga meneliti prinsip-prinsip dan aplikasi perancangan keusahawanan dalam kerangka ekonomi pasaran dengan mengambil kira persekitaran keusahawanan yang kondusif. Pada akhir kursus pelajar akan dapat memikirkan secara kreatif bagaimana menterjemahkan idea dan bidang tujahan pembelajaran mereka sebagai satu alternatif kerjaya dengan menggunakan kaedah keusahawanan, khusus untuk industri media.

This course is about entrepreneurship, its domain, prerequisites, prospects and challenges in the contemporary world. It introduces students to the basic principles of strategic planning, management, and implementation of business projects for media entrepreneurship. Among other things, it describes basic elements of management which include developing management, organizational and entrepreneurship skills. By the end of the course, students should be able to translate creative ideas into concrete entrepreneurial projects related with the media industry.

Bacaan Asas

- Aulet, B. 2017. *Disciplined entrepreneurship workbook: 24 Steps to a successful startup*. USA: John Wiley & Sons Inc.
- Ferrier, M & May, E. 2017. *Media Innovation and entrepreneurship*. USA: The Rebus Foundation. Available online: <https://press.rebus.community/media-innovation-and-entrepreneurship/>
- Gill, C. 2019. *The end of marketing. Humanizing your brand in the age of social media and AI*. USA: Kogan Page
- Haine, C. 2019. *Business and entrepreneurship for filmmakers*. USA: Routledge
- McDonald, J. 2019. *Social media marketing workbook: How to use social media for business*. USA: Createspace Publishing

SKKC3103 Rencana Siaran dan Dokumentari

Kursus ini menumpukan kepada pembentukan dan penyampaian maklumat melalui penyelidikan bahan yang mantap, aktiviti perancangan, pengurusan penerbitan dan pengarahannya dokumentari, majalah televisyen dan persembahan multimedia. Pelajar juga didedahkan kepada konsep, persekitaran dan kesan penerbitan. Tumpuan utama ialah kepada proses penerbitan dari peringkat cetusan idea hingga ke peringkat persembahan dan penerbitan idea tersebut dalam bentuk rencana siaran dan/atau dokumentari. Pada akhir kursus, pelajar boleh menghasilkan sebuah dokumentari/rencana siaran yang bermutu.

The course focuses on the process and techniques of producing documentaries and broadcast features for television and other multimedia channels. It teaches students the importance of comprehensive research, proper planning, efficient management and good directing in the production process. The course emphasises the various stages of production from the beginning of an idea to its presentation and production as a broadcast feature and/or a documentary. By the end of the course, students are able to produce a good documentary/broadcast feature.

Bacaan Asas

- Aguayo, A.J. 2019. *Documentary resistance: Social change and participatory media*. Oxford University Press.
- Bricca, J. 2017. *Documentary editing: principles & practice*. New York: Routledge.
- Brylla, C. & Kramer, M. 2018. *Cognitive theory and documentary film*. Switzerland: Palgrave Macmillan.
- Campo et. al. 2020. *Documentary cinema: An aesthetic and political crossroads*. Prometeo.
- Rabiger, M. & Hermann, C. 2020. *Directing the documentary*. 7th edition. Oxon: Routledge.

SKKC3143 Pengurusan Organisasi Media

Kursus ini memperkenalkan pelajar kepada bidang pengurusan dengan tumpuan kepada organisasi media massa. Pelajar juga didedahkan kepada evolusi teori pengurusan yang mempengaruhi operasi organisasi media massa. Enam tahap pengurusan yang penting akan dititikberatkan iaitu perancangan, buat keputusan, pengorganisasian, pengarahannya, pemimpinan dan kawalan. Di samping itu, motivasi, pengurusan sumber manusia, keusahawanan dan etika juga turut dibincangkan. Tumpuan akan diberikan kepada pemahaman terhadap kesemua tahap pengurusan bagi meningkatkan penghayatan terhadap peranan yang dimainkan oleh pengurus media. Kursus ini juga mengundang pengurus media untuk berkongsi pengalaman dengan pelajar di bilik kuliah dan membuat lawatan ke organisasi media. Pada akhir kursus, pelajar akan dapat mengenal pasti faktor-faktor kritikal dalam pengurusan yang membuat pengurus media dan organisasi media massa berkesan.

This course introduces students to the field of management with emphasis on mass media organisations. Students are also exposed to the evolution of management theories that have influenced the operations of mass media organisations. Six important stages of management will be discussed: planning, decision-making, organising, directing, leadership and control. Motivation, human resource management, entrepreneurship and ethics will also be discussed. Emphasis will be on the comprehension of the six management stages in order to enhance student' appreciation of the roles played by media managers. Media managers will be invited to share their experience in the classroom as well as through visits to media organisations. By the end of the course, students should be able to identify the critical factors that make for effective media management and effective mass media organisations.

Bacaan Asas

- Albarran, A. B., Mierzejewska, B. I. & Jung, J. 2018. *Handbook of media management and economics*. 2nd ed. New York: Routledge.
- Clegg, S. R., Pitsis, T. S. & Mount, M. 2021. *Managing and organizations: an introduction to theory and practice*. 6th ed. London: SAGE Publications Ltd.
- Hill, C., Schilling, M. & Jones, G. 2019. *Strategic management: An integrated approach*. Theory & cases. Mason: Cengage Learning, Inc.
- Noam, E. M. 2018. *Managing media and digital organizations*. New York: Palgrave Macmillan.
- Robbins, S. P. & Coulter, M. A. 2021. *Management*. 15th ed. Essex: Pearson Education Limited.

SKKC3166 Pengurusan dan Penerbitan Media

Kursus ini bercorak amali, khusus untuk mengurus dan menerbitkan akhbar (Nadi Bangi) serta mengurus dan menerbitkan siaran radio dalam talian (Radio Midas). Pelajar dibahagikan ke dalam dua kumpulan. Setiap kumpulan melalui kedua-dua jenis latihan ini di semester yang berbeza secara bergilir-gilir. Setiap latihan mengandungi modul khusus untuk memastikan setiap pelajar memenuhi objektif dan hasil pembelajaran kursus dengan memberi penekanan kepada aspek-aspek pengurusan, pengendalian, penerbitan, persembahan, promosi dan pemasaran serta penilaian sesebuah produk media.

This is a practical course to provide students hands-on experience to manage and produce a newspaper (Nadi Bangi), and run an on-line radio station (Radio Midas). Students are divided into two groups, which will take turn to manage and produce Nadi Bangi and Radio Midas in two different semesters. Students will undergo a specific training module to ensure the attainment of the learning outcomes. Emphasis will be given to the management, operations, production, delivery, promotion and marketing, as well as the evaluation of a media product.

Bacaan Asas

- Connelly, D.W. 2017. *Digital radio production*. 3rd edition. Waveland Press.
- Filak, V.F. 2021. *Dynamics of news reporting and writing: Foundational skills for a digital age*. 2nd Edition. Los Angeles: Sage Publications.
- Kelly, C. 2011. *Sound (Whitechapel: Documents of contemporary arts)*. MIT Press.
- McLeish, R & Link, J. 2016. *Radio production*. NY: Focal Press.
- Miller, C.H. 2019. *Digital Storytelling*. Routledge.
- Papper, R.A. 2017. *Broadcast news and writing stylebook*. Ed. 6. Boston: Allyn & Bacon.
- Rich, C. 2015. *Writing and reporting news : A coaching method*. 8th ed. Boston:Cengage Learning.

SKKC3006 Latihan Industri

Kursus ini memperkenalkan pelajar kepada persekitaran pekerjaan sebenar dan budaya kerja dalam bidang komunikasi media. Ia memberi kesempatan kepada mereka menjadi pelatih di sebuah organisasi yang berkaitan dengan komunikasi media, sama ada dari sektor awam atau swasta, dan sektor bukan-kerajaan. Para pelajar diberi peluang memilih sendiri organisasi ini tertakluk kepada kelulusan Pusat Pengajian Media dan Komunikasi. Organisasi yang relevan dalam hal ini merangkumi organisasi media cerak, media penyiaran, media dalam talian, media penerbitan dan perfileman di sektor awam, swasta atau bukan-kerajaan. Para pensyarah akan menyelia pelajar di organisasi untuk memantau dan mengawasi latihan yang diterima. Para pelajar mestilah mengikuti segala aktiviti dan tugas yang diberikan oleh organisasi untuk mendapat latihan yang berkesan. Pada akhir latihan, para pelajar dikehendaki menyerahkan laporan latihan ini bersama-sama dengan buku log harian yang menjelaskan latihan-latihan yang dilalui di organisasi.

This course introduces students to the real working environment and work culture in media communication organisations. It gives students the opportunity to be interns in media organisations, as well as other public, private, and non-governmental organisations (NGOs) involved in media-related activities. Students are allowed to choose their preferred organisations after getting approval from the School of Media and Communication Studies. In order to provide proper supervision, lecturers will visit each student twice during the internship period. To ensure the effectiveness of the industrial training, students are required to carry out assignments as requested by their respective organisations. By the end of their training period, students will have to submit a report according to the stated format given by the School of Media and Communication Studies.

SKKC3206 Latihan Ilmiah

Latihan ilmiah ialah kemuncak pengalaman pembelajaran pelajar untuk mengaplikasikan ilmu dan kemahiran yang diperolehi dalam program untuk melaku dan menghasilkan penyelidikan yang sistematik dan saintifik. Pelajar akan diselia dengan rapi untuk menjalankan penyelidikan tentang permasalahan/isu yang dipilih dan kemudian membuat laporan lengkap tentangnya.

This course is an academic exercise, similar to thesis writing, to expose and provide students the experience of undertaking a systematic and scientific research project. Each student is supervised closely to research on a problem/issue selected and then write a complete report on it. This academic exercise is the culmination of the student's learning experience to apply knowledge and skills acquired in the Programme.

Bacaan Asas

- Croucher, S. M. & Cronn-Mills, D. 2018. *Understanding communication research methods*. Routledge.
- Reinhard, J.C. 2008. *Introduction to communication research*. Ed. 4. Boston: McGraw Hill.
- Rubin, R. B, Palmgreen, P. et al 2020. *Communication research measures : A sourcebook*. Routledge.
- Treadwell, D. 2019. *Introducing communication research : Paths of Inquiry*. Sage Pub.
- Universiti Kebangsaan Malaysia, 2015. *Panduan menulis tesis Gaya UKM*. Edisi Ketiga. Bangi: Penerbit Universiti Kebangsaan Malaysia (atau edisi atas talian).

SKKD2033 Media dan Politik

Kursus ini memberi pelajar pemahaman bagaimana peranan dan pengaruh media dalam proses politik. Hubungan media dan politik ternyata ketara dalam mengkonstruksi pemikiran, persepsi dan seterusnya mempengaruhi mereka di dalam pengundian dan pandangan mereka terhadap pemerintahan. Di samping itu penekanan diberi juga terhadap bagaimana media beroperasi sebagai penyampai maklumat politik. Beberapa pilihan raya di Malaysia dikaji untuk melihat fungsi media terhadap corak dan strategi, serta saluran media yang telah digunakan termasuk penggunaan internet semasa berkempen.

This course aims at giving an understanding to students on the role of media and its influence on politics. Symbiotic relationship between media and politics is influential in the construction of thought, perception and poll behavior. This course also discusses the role and process of media in disseminating political information. Several case studies on past Malaysian elections will be highlighted to identify how media functions during elections and the types of media used.

Bacaan Asas

- Hall, J., 2021. *Politics and the media: Intersections and new directions*. CQ Press.
- Forgette, R., 2018. *News grazers: Media, politics and trust in an information age*. Los Angeles: Sage Publications Ltd.
- Perloff, R. M., 2018. *The dynamics of political communication: Media and politics in a digital age*. 2nd Edition. New York: Routledge.
- Street, J., 2021. *Media, politics and democracy*. Bloomsbury Publishing.
- Siebert, F.S., Peterson, T. and Schramm, W. 1956. *Four theories of the press*. Urbana-Champaign: University of Illinois Press.

SKKD2073 Pendapat Publik

Kursus ini memperkenalkan konsep asas pendapat publik, rasional, tujuan, teori dan kaedah yang melibatkan pungutan pendapat orang ramai terhadap isu-isu persekitaran yang menyumbang kepada dasar awam. Pelajar juga didedahkan kepada peranan warga dalam demokrasi dan bagaimana media membawa kesan kepada pembentukan pemikiran dan pembuatan keputusan.

This course introduces the fundamental concepts of public opinion, its rational, purposes, theory and methods in collecting opinions from the public on issues that contribute to public policies. Opinion from the public constitutes an important input in the formation of public policy. Students will be exposed on the role of citizens in democratic process and how media play an important role in the formation of opinion and decision making.

Bacaan Asas

- Bergmann, E. 2018. *Conspiracy and populism: The politics of misinformation*. Cham, Switzerland: Palgrave Macmillan
- Borchers, N. S. (ed.). 2022. *Social media influencers in strategic communication*. New York & Abingdon: Routledge
- Clawson, R. A. & Oakley, Z. M. 2021. *Public opinion. Democratic ideals and democratic practice* (Fourth edition). Thousand Oaks: Sage / CQ Press
- Fominaya, C. L. & Gillan, K. 2019. *Technology, media and social movement*. Abingdon & New York: Routledge
- McCombs, M. & Valenzuela, S. 2020. *Setting the agenda: Mass media and public opinion*. Cambridge & Medford: Polity Press

PROGRAM PSIKOLOGI

Skop

Program Psikologi memberi pemahaman cara manusia bertingkah laku dengan mendalami kognisi, perasaan dan persepsi merangkumi proses-proses biologi manusia. Pelajar didedahkan dengan pengetahuan asas psikologi seperti masalah tingkah laku dan kecelaruan minda. Pelajar berpeluang untuk menjadi pakar bidang psikologi dengan menyambung pengajian ke peringkat sarjana dan doktor falsafah.

Senarai Kursus yang Ditawarkan pada Sesi Akademik 2023-2024

Tahun 1

SKPP1013	Pengantar Psikologi
SKPP1023	Statistik Asas
SKPX1013	Sistem dan Teori Psikologi
SKPX1033	Persepsi dan Kognisi
SKPX1043	Personaliti
SKPX1053	Motivasi dan Emosi

Tahun 2

SKPP2014	Metodologi Penyelidikan
SKPX2013	Statistik dan Analisis Data
SKPX2023	Psikologi Kanak-Kanak dan Remaja
SKPX2033	Pengujian Psikologi
SKPX2043	Psikologi Eksperimen
SKPX2063	Fisiologi Tingkah Laku
SKPX2073	Psikologi Sosial
SKPX2083	Psikologi Perkembangan
SKPX2113	Psikologi Positif

Tahun 3

SKPX2093	Prinsip Bimbingan dan Kaunseling
SKPX3006	Latihan Industri
SKPX3013	Teori-teori Perkembangan Kerjaya
SKPX3033	Modifikasi Tingkah Laku
SKPX3093	Analisis Masalah dan Pembuatan Keputusan
SKPX3103	Psikologi Kesihatan
SKPX3123	Psikologi Industri dan Organisasi
SKPX3143	Psikologi Abnormal
SKPX3153	Ergonomik
SKPX3206	Latihan Ilmiah

PROGRAM KERJA SOSIAL

Skop

Program Kerja Sosial memberi pendedahan kepada pelajar tentang komitmen menangani permasalahan sosial, mempromosikan keadilan sosial dan pembangunan sosial menggunakan teori-teori tingkah laku manusia dan sistem sosial. Pelajar didedahkan dengan pengetahuan asas kerja sosial serta intervensi profesional secara langsung dengan klien. Kurikulum Kerja Sosial dibentuk agar dapat menyediakan pelajar dengan kompetensi generik dan profesional.

Senarai Kursus yang Ditawarkan pada Sesi Akademik 2023-2024

Tahun 1

SKPP1013	Pengantar Psikologi
SKPP1023	Statistik Asas
SKPW1013	Pengantar Kerja Sosial
SKPW1023	Tingkah laku Manusia dan Persekitaran Sosial
SKPW1123	Teori-Teori Kerja Sosial

Tahun 2

SKPP2014	Metodologi Penyelidikan
SKPW2013	Dasar Sosial
SKPW2023	Praktis Kerja Sosial
SKPW2033	Pengurusan Kerja Sosial
SKPW2043	Undang-Undang dan Kerja Sosial
SKPW2063	Dadah dan Pemulihan
SKPW2073	Kebajikan Kanak-Kanak
SKPW2143	Kemahiran Komunikasi untuk Kerja Sosial
SKPW2153	Kerja Sosial Komuniti

Tahun 3

SKPW3006	Latihan Industri
SKPW3013	Seminar Kerja Sosial
SKPW3016	Latihan Ilmiah
SKPW3023	Psikoterapi untuk Kerja Sosial
SKPW3043	Gerontologi
SKPW3053	Kerja Sosial Klinikal
SKPW3063	Kesihatan Mental
SKPW3083	Kerja Sosial Individu dan Keluarga
SKPW3093	Kesihatan Masyarakat
SKPW3113	Kebajikan Sosial dan Kesukarelawanan
SKPW3123	Intervensi Krisis

PROGRAM PEMBANGUNAN MANUSIA

Senarai Kursus yang Ditawarkan pada Sesi Akademik 2023-2024

Tahun 1

SKPM1033	Teori-teori Pembangunan Manusia
SKPM1053	Agama, Etika dan Pembangunan Manusia

Tahun 2

SKPM2023	Pembangunan Belia
SKPM2093	Pengurusan Latihan dan Modifikasi Tingkah Laku
SKPM2103	Pengurusan Kesihatan dan Persekitaran
SKPM2113	Pembangunan Keluarga dan Wanita

Tahun 3

SKPM3023	Mengurus Konflik dan Krisis
SKPM3033	Pengurusan Sumber Manusia
SKPM3043	Hak Asasi Manusia dan Dasar Sosial
SKPM3053	Pembangunan Komuniti

Kursus Teras Pusat

SKPP1013 Pengantar Psikologi

Kursus ini memperkenalkan psikologi sebagai disiplin saintifik dan meliputi konsep dan prinsip utama dalam psikologi. Pelajar akan berpeluang untuk meneroka aliran pemikiran dan pendekatan teoritikal dalam psikologi, metod penyelidikan serta bidang-bidang dalam psikologi, aspek fisiologi dan tingkah laku, perkembangan manusia, sensasi dan persepsi, pembelajaran dan kognisi, tingkah laku sosial, personaliti, motivasi dan emosi serta tingkah laku abnormal dan rawatan. Pelajar akhirnya akan dapat mempraktikkan teori-teori dan prinsip-prinsip psikologi ini di dalam tingkah laku harian mereka.

This course introduces psychology as a scientific discipline and covered the major concepts and principles in psychology. Students will have the opportunity to discuss psychology schools of thought and theoretical approaches, methods of research, behaviour and physiological aspects, human development, sensation and perception, learning and cognition, social behaviour, personality, motivation and emotion, and abnormal behaviour and treatment. Students finally will be able to practice the theoretical principles of psychology to their daily actions.

Bacaan Asas

- Asmawati Desa, Getrude Cosmas, Mariny Abdul Ghani, Siti Rozaina Kamsani, Noor Azniza Ishak, Nabaisah Ibrahim, dan Mohd. Makzan Musa. 2015. *Pengantar psikologi*. Kuala Lumpur: SJ Learning.
- Feldman, R. 2021. *Understanding Psychology*. Edisi ke-15. New York: McGraw Hill Education
- Kalat, J.W. 2021. *Introduction to psychology*. Edisi ke-12. Singapore: Wadsworth Cengage Learning.
- Morris, C. G. & Maisto, A. 2019. *Understanding Psychology*. Edisi ke-12. New York: Pearson Education, Inc.
- Pastorino, E. & Doyle-Portillo, S. 2021. *What is psychology? Foundations, applications, and integration*. Edisi ke-5. Boston: Cengage Learning Inc.

SKPP1023 Statistik Asas

Kursus ini memperkenalkan pelajar kepada statistik dalam bidang sains sosial dan sains tingkah laku. Pelajar akan didedahkan kepada asas statistik sebagai metod analisis data. Penekanan akan diberi kepada analisis statistik deskriptif. Tajuk-tajuk yang akan dibincangkan ialah konsep-konsep utama dalam statistik, jenis-jenis data dan skala pengukuran, pemerihalan dan persembahan data dengan carta, jadual dan rajah, ukuran kecenderungan memusat dan ukuran serakan, skor transformasi seperti persentil dan skor piawai, taburan normal, metod korelasi dan regresi mudah.

This course introduces students to statistics in the discipline of social and behavioural sciences. Students will be exposed to the basic statistics as a method of data analysis. The emphasis is on descriptive statistics. Topics to be discussed are the important concepts in statistics, types of data and scale of measurements, data description and presentation using charts, tables and diagrams, measures of central tendencies and dispersion, transformation score such as percentile and standard score, normal distribution, simple correlation and regression analysis.

Bacaan Asas

- Aron, A., Coups, E.J. & Aron, E.N. 2018. *Statistics for the behavioural and social sciences*. Pearson New International Edition: A brief course. Edisi ke-6. USA: Pearson.
- Gravetter, F. G., & Wallanau, L. B. 2021. *Essentials of statistics for the behavioral sciences*. Edisi ke-10. Singapore: Cengage Learning.
- Howell, D. C. 2017. *Fundamental statistics for the social and behavioral sciences*. Edisi ke-9. Singapore: Cengage Learning.
- Nesselroade Jr., K.P. & Grimm, G.G. 2018. *Statistical applications for the behavioral and social sciences*. Edisi ke-2. USA: Wiley.
- Pallant, J. 2016. *Survival manual: A step by step guide to data analysis using SPSS*. Edisi Ke-6. Australia: Allen & Unwin.

SKPP2014 Metodologi Penyelidikan

Kursus ini memberi pendedahan kepada pelajar mengenai kaedah penyelidikan psikologi secara saintifik. Kursus ini akan meliputi langkah-langkah utama penyelidikan seperti etika dalam penyelidikan, membina persoalan dan hipotesis kajian, memahami metod eksperimen dan beberapa metod bukan eksperimen, persampelan, menganalisis data, menginterpretasi data. Pelajar akan diwajibkan menyediakan satu proposal penyelidikan dan satu penyelidikan mini berserta laporan yang akan dibentangkan dalam kelas.

This course exposes students in scientific research methodology. The course covers the following: steps in the research processes, understanding ethics in research, developing research question and hypothesis, understanding experimental and non-experimental methods, sampling, data analysis, data interpretation and writing up research report. Students are also required to produce a research proposal and mini research that will be presenting in the class.

Bacaan Asas

- Anastasi, J. & Lee, J. 2020. *Research methods in psychology*. Dubuquw, IA: Kendall Hunt Publishing Company.
- Goodwin, K.A. & Goodwin, C.J. 2023. *Research in psychology: Methods and design*. Canada: Wiley.
- Gravetter, F.J. & Forzano, L.B. 2019. *Research methods for the behavioural sciences*. Edisi ke-7. Singapore: Wadsworth Cengage Learning.
- Howitt, D. & Cramer, D. 2020. *Research methods in psychology*. Edisi ke-6. Singapore: Pearson Education Limited.
- Nestor, P. G. & Schutt, R. K. 2018. *Research methods in psychology: investigating human behaviour*. Edisi ke-3. Singapore: SAGE Publications Inc.
- Roneey, B. J. & Evans, A. N. 2018. *Methods in psychological research*. Edisi ke-4. USA: SAGE Publications Inc.

PROGRAM PSIKOLOGI

STRUKTUR KURIKULUM PENGAJIAN SARJANAMUDA SAINS SOSIAL DENGAN KEPUJIAN (PSIKOLOGI)							
TAHUN 1							
Kursus	Semester 1	Jum. Unit	Semester 2	Jum. Unit	Semester 3	Jum. Unit	Jumlah
Wajib Universiti			LMCW1022 Asas Keusahawanan dan Inovasi	2			2
Citra Universiti	**Citra 1 - Citra 6 (3 kursus)	6	**Citra 1 - Citra 6	2			8
Wajib Fakulti (WF)			MUET 3 sahaja LMCE1062 Academic Interaction	2			2
			MUET 4 sahaja LMCE1072 Academic Literacy				
			MUET 5 & 6 sahaja LMCE1082 Page to Stage				
Wajib Pusat (WP)	SKKP1013 Pengantar Psikologi	3	SKKP1023 Statistik Asas	3			6
Wajib Program (WM)	SKPX1013 Sistem dan Teori Psikologi	3	SKPX1033 Persepsi & Kognisi	3			12
	SKPX1043 Personaliti	3	SKPX1053 Motivasi & Emosi	3			
Pilihan Bebas (PB)	SKPD1013 Pengantar Sains Sosial (Terarah)	3	*SKVAXXX3 Bahasa Asing 2	3			9
	*SKVAXXX3 Bahasa Asing Asas I	3					
Jumlah unit		21		18			39

Catatan :

* Bahasa Asing yang ditawarkan : Bahasa Cina, Bahasa Arab, Bahasa Thai, Bahasa Jepun, Bahasa German, Bahasa Korea, Bahasa Perancis, Bahasa Sepanyol.

** Pelajar boleh mendaftar mana-mana kursus dari Citra 1 hingga Citra 6. Jumlah unit semester yang dipaparkan adalah unit yang perlu didaftarkan dalam semester tersebut dan bukannya unit bagi satu kursus, ianya boleh terdiri daripada satu atau beberapa kursus.

Penawaran kursus sebagaimana tertera dalam jadual di atas adalah tertakluk kepada pindaan.

STRUKTUR KURIKULUM PENGAJIAN SARJANAMUDA SAINS SOSIAL DENGAN KEPUJIAN (PSIKOLOGI)							
TAHUN 2							
Kursus	Semester 1	Jum. Unit	Semester 2	Jum. Unit	Semester 3	Jum. Unit	Jumlah
Wajib Universiti	LMCW2153 Penghayatan Etika dan Peradaban	3	LMCW2143 Falsafah dan Isu Semasa	3			8
			LMCW2022 Pengurusan dan Analitik Data	2			
Citra Universiti	**Citra 1 - Citra 6	2					2
Wajib Fakulti (WF)	SKPP2014 Metodologi Penyelidikan	4					4
Wajib Pusat (WP)							
Wajib Program (WM)	SKPX2013 Statistik & Analisis Data	3	SKPX2033 Pengujian Psikologi	3			24
	SKPX2073 Psikologi Sosial	3	SKPX2023 Psikologi Kanak-kanak dan Remaja	3			
	SKPX2083 Psikologi Perkembangan	3	SKPX2043 Psikologi Eksperimen	3			
			SKPX2063 Fisiologi Tingkah Laku	3			
			SKPX2113 Psikologi Positif	3			
Pilihan Bebas (PB)	*SKVAXXX3 Bahasa Asing 3	3					3
Jumlah unit		21		20			41

Catatan :

* Bahasa Asing yang ditawarkan : Bahasa Cina, Bahasa Arab, Bahasa Thai, Bahasa Jepun, Bahasa German, Bahasa Korea, Bahasa Perancis, Bahasa Sepanyol. Sekiranya pendaftaran telah penuh, pelajar boleh mengambil kursus Bahasa Asing 3 bila-bila masa pada Tahun 2 (Semester 2), Tahun 3 (Semester 1 & 2). Kekurangan kredit bagi Semester 1 boleh digantikan dengan kursus Citra 1 - Citra 6 yang perlu diambil pada Semester 2.

** Pelajar boleh mendaftar mana-mana kursus dari Citra 1 hingga Citra 6. Jumlah unit semester yang dipaparkan adalah unit yang perlu didaftarkan dalam semester tersebut dan bukannya unit bagi satu kursus, ianya boleh terdiri daripada satu atau beberapa kursus.

Penawaran kursus sebagaimana tertera dalam jadual di atas adalah tertakluk kepada pindaan.

STRUKTUR KURIKULUM PENGAJIAN SARJANAMUDA SAINS SOSIAL DENGAN KEPUJIAN (PSIKOLOGI)							
TAHUN 3							
Kursus	Semester 1	Jum. Unit	Semester 2	Jum. Unit	Semester 3	Jum. Unit	Jumlah
Wajib Universiti							
Citra Universiti	* Citra 1 - Citra 6	2					2
Wajib Fakulti (WF)			SKPD3013 Workplace Competencies	3	SKPX3006 Latihan Industri	6	9
Wajib Pusat (WP)							
Wajib Program (WM)	SKPX3123 Psikologi Industri dan Organisasi ATAU SKPX2093 Prinsip Bimbingan dan Kaunseling	3	SKPX3013 Teori-teori Perkembangan Kerjaya ATAU SKPX3153 Ergonomik	3			24
	SKPX3093 Analisis Masalah & Pembuatan Keputusan	3	SKPX3033 Modifikasi Tingkah Laku	3			
	SKPX3103 Psikologi Kesihatan	3	SKPX3206 Latihan Ilmiah	6			
	SKPX3143 Psikologi Abnormal	3					
Pilihan Bebas (PB)	Mana-mana Kursus Pilihan Bebas (PB)	3	Mana-mana Kursus Pilihan Bebas (PB)	3			6
Jumlah unit		17		18		6	41

Catatan :

* Pelajar boleh mendaftar mana-mana kursus dari Citra 1 hingga Citra 6. Jumlah unit semester yang dipaparkan adalah unit yang perlu didaftarkan dalam semester tersebut dan bukannya unit bagi satu kursus, ianya boleh terdiri daripada satu atau beberapa kursus.

Penawaran kursus sebagaimana tertera dalam jadual di atas adalah tertakluk kepada pindaan.

Kursus Citra Universiti – Taraf kursus adalah C1 – C6 berjumlah 12 kredit. Pelajar perlu melengkapkan keperluan kredit minimum mengikut domain seperti berikut:

BIL	DOMAIN CITRA	JUMLAH KREDIT
1.	Domain 1 – Literasi Bahasa dan Komunikasi	2
2.	Domain 2 – Pemikiran Kritis dan Rekaipta	2
3.	Domain 3 – Literasi Sastera, Budaya dan Ketamadunan	2
4.	Domain 4 – Literasi Sains, Teknologi dan Kesihatan	2
5.	Domain 5 – Keusahawanan dan Tanggungjawab Sosial	2
6.	Domain 6 – Keterampilan Diri dan Pasukan	2

Kursus Program

SKPX1013 Sistem dan Teori Psikologi

Kursus ini bertujuan memperkenalkan beberapa sistem dan teori terdapat dalam disiplin psikologi. Perspektif sejarah dan falsafah psikologi, asas psikologi zaman Greek Klasik, perkembangan idea psikologi dari zaman Empayar Rom hingga ke zaman pertengahan dan pembaharuan, asas kemunculan sains moden, ambang kemunculan psikologi sebagai disiplin sains, kemunculan psikologi sebagai sains dan sistem psikologi moden yang meliputi strukturalisme, fungsionalisme, psikoanalisis, behaviorisme dan humanistik. Perkembangan psikologi mutakhir yang membabitkan kemunculan dan kebangkitan sains kognitif dan neuro kognisi turut dibincangkan.

The purpose of this course is to introduce several theories and systems in psychology. The historical and philosophical perspectives of psychology, the psychological fundamental of classical Greek period, the development of psychological ideas from the time of Roman age to the middle ages and renaissance, the emergence of modern science, the development of psychology as a scientific discipline as well as modern psychology that includes systems such as structuralism, functionalism, psychoanalysis, behaviorism, and humanistic. The development of the current psychology that includes cognitive science and cognitive neuroscience is also discussed.

Bacaan Asas

- Cacioppo, J.T. & Freberg, L.A. 2019. *Discovery psychology: The science of mind*. Edisi ke-3. Singapore: New Tech Parl.
- Feldman, R.S. 2019. *Understanding psychology*. Edisi ke-14. USA: McGraw-Hill Education.
- Henley, T. 2018. *Hergenhahn's an introduction to the history of psychology*. Edisi ke-8. Boston, MA: Cengage Learning.
- Hothersall, D., & Lovett, B. 2022. *History of Psychology*. Edisi ke-5. Cambridge: Cambridge University Press.
- Wertheimer, M., & Puente, A. E. 2020. *A brief history of psychology*. Routledge.

SKPX1033 Persepsi dan Kognisi

Kursus ini memperkenalkan persepsi dan kognisi sebagai pendekatan bagi memahami tingkah laku manusia. Tajuk yang akan diliputi: (i) mekanisme pengamatan, objek dan bentuk, kedalaman dan saiz, (ii) prinsip ingatan dan pemprosesan maklumat, (iii) proses mental peringkat tinggi ditinjau dari segi penakulan, penyelesaian masalah dan pembuatan keputusan. Selain mengikuti kuliah pelajar dikehendaki merancang dan menyiapkan satu laporan penyelidikan menggunakan reka bentuk eksperimen.

This course introduces perception and cognition as an approach to understand human behaviour. The topics covered include: i) perception mechanism, objects and forms, depth and size. ii) principle of memory and information processing. iii) studying high level of mental processing through reasoning, problem solving and decision making. Apart from attending lectures students are required to plan and complete a research report using experimental design.

Bacaan Asas

- Groome, D. 2021. *An introduction to cognitive psychology: Processes and disorders*. UK: Routledge.
- Farmer, T.A. & Matlin, M.W. 2019. *Cognition*. Edisi ke-10. Danvers, MA: John Wiley & Sons, Inc.
- Eysenck, M.W. & Byrbaert, M. 2018. *Fundamentals of cognition*. Edisi ke-3. New York, USA: Routledge.
- Smith, E. & Kosslyn, S. 2019. *Cognitive psychology: Mind and brain*. Edisi Pertama. Singapore: Pearson New International Edition.
- Sternberg, R.J. & Sternberg, K. 2016. *Cognitive psychology*. Edisi ke-7. Belmont, CA: Wadsworth Cengage Learning.

SKPX1043 Personaliti

Kursus ini membincangkan tentang teori-teori yang dikemukakan oleh tokoh-tokoh ulung seperti Sigmund Freud, Carl Jung, Erich Fromm, Albert Bandura, Abraham Maslow, Erik Erickson, Carl Rogers, Raymond Cattell dan beberapa tokoh lagi tentang pembentukan dan sifat semulajadi personaliti individu. Ia bertujuan untuk memberi pemahaman tentang faktor-faktor yang menyumbang kepada pembentukan dan perkembangan sifat atau karektor manusia dan kenapa mereka bertingkah laku dengan cara tertentu. Kursus ini juga turut membincangkan mengenai ciri-ciri unik individu serta sifat-sifat yang berbentuk lebih sejagat yang dikongsi oleh semua manusia. Secara khususnya kursus ini memfokuskan kepada sejarah pengkajian personaliti, definisi personaliti dan metod pengkajian personaliti serta teknik penilaian dan penggunaan pelbagai alat-alat ujian bagi menilai dan mengukur personaliti. Di antara teori-teori utama yang dibincangkan dalam kursus ini adalah pendekatan psikoanalitik, neo-psikoanalitik, humanistik, tret, pembelajaran sosial, pendekatan sepanjang hayat dan teori interpersonal. Kursus ini disampaikan secara kuliah dan perbincangan.

SKAD3373	Pengurusan dan Penilaian Projek Pembangunan
SKAD3403	Etika, Perundangan dan Pembangunan
SKAD3413	Advokasi dan Pembangunan Berpenglibatan
SKAD3423	Agama, Etnisiti dan Pembangunan
SKAD3453	Pembangunan Pelancongan dan Impak
SKAD3463	Pembangunan Lestari dan Kualiti Hidup
SKAD3476	Latihan Ilmiah
SKAD3493	Gender dan Pembangunan

Kursus Teras Pusat

SKAP1013 Alam, Manusia dan Budaya

Kursus ini dirancang untuk membolehkan pelajar memahami interaksi timbal balik antara persekitaran fizikal, organisasi sosial dan tingkah laku sosial. Ia dibahagikan kepada tiga bahagian utama. Bahagian pertama membincangkan tentang konsep dan komponen ekosistem seperti biotik, abiotik dan budaya. Bahagian kedua, perbincangan ditumpukan kepada pendekatan teori seperti ekologi manusia, ekologi budaya dan teori risiko. Bahagian ketiga membincangkan isu yang berkaitan dengan hubungan masyarakat dengan alam sekitar seperti pertanian dan industri mapan, gerakan sosial, ekonomi, migrasi, pemanasan global dan globalisasi.

This course is designed to enable students to understand the reciprocal interactions between the physical environment, social organization, and social behaviour. The course is divided into three parts. The first part discusses the concept of ecosystem and its components such as biotic, abiotic and culture. The second part concentrates on theoretical approaches such as human ecology, cultural ecology and risk theory. The third part discusses some issues related to societal-environmental relations such as sustainable agriculture and industry, social movements, economy, migration, global warming and globalization.

Bacaan Asas

- Bradford, M. & A. Kent. 1994. *Understanding human geography: people and their changing environment*. London: Oxford University Press.
- Eriksen, T.N. 1995. *Small places, large issues: an introduction to social and cultural anthropology*. London: Pluto Press.
- Kent, A. & Bradford, M. 1981. *Geografi manusia: teori-teori dan penggunaannya* (terj.). Kuala Lumpur: Fajar Bakti.
- Norton, W. 1996. *Human geography*. Toronto: Oxford University Press.
- Scupin, R. & DeCorse, C.R. 1998. *Anthropology: a global perspective*. 3rd ed. New Jersey: Prentice Hall.

Bacaan Tambahan

Bahan bacaan terkini dilampirkan di dalam Proforma Kursus

SKAP2064 Kaedah Penyelidikan

Kursus ini adalah kursus pengenalan kepada kaedah penyelidikan. Tujuan kursus ini adalah untuk memberi kefahaman kepada pelajar tentang kaedah penyelidikan dari aspek teori dan praktis. Pelajar diperkenalkan tentang asas penyelidikan sosial, prinsip sosial dan sains yang mendasari penyelidikan sosial serta kaitan antara penyelidikan

dan teori. Pendekatan kualitatif dan kuantitatif juga akan diperkenalkan. Hasil utama pembelajaran kursus ini adalah pelajar dapat menulis usulan penyelidikan dan laporan kajian rintis.

This course is an introductory course on research methods. The aim of this course is to empathize the students on the methods of research from theoretical and practical aspects. Students will be introduced on the basic of social research, social and science principles that underlie the social research as well as links between research and theory. Qualitative and quantitative approaches will also be introduced. The main outcomes of this course is that students can write research proposals and pilot study reports.

Bacaan Asas

- Burkholder, G.J., Cox, K.A., Crawford, L.M. & Hitchcock, J.H. 2021. *Research design and methods: An applied guide for the scholar-practitioner*. Los Angeles. SAGE.
- Carr, D., Boyle, E.H., Cornwell, B., Correll, S., Crosnoe, R., Freese, J. & Waters, M.C. 2021. *The art and science of social research*. 2nd ed. United State of Amerika: W.W. Norton & Company.
- Lee Ann Fujii. 2018. *Interviewing in social science research: A relational approach*. New York: Routledge.
- Reichardt, C.S. 2019. *Quasi-experimentation: A guide to design and analysis*. New York: The Guilford Press.
- Tashakkori, A., Johnson, R.B. & Teddlie, C. 2021. *Foundations of mixed methods research: Integrating quantitative and qualitative approaches in the social and behavioral sciences*. 2nd ed. Los Angeles: SAGE.

**PROGRAM
ANTROPOLOGI DAN SOSIOLOGI**

STRUKTUR KURIKULUM PENGAJIAN SARJANAMUDA PROGRAM ANTROPOLOGI DAN SOSIOLOGI

TAHUN 1

Kursus	Semester 1	Jum. Unit	Semester 2	Jum. Unit	Semester 3	Jum. Unit	Jumlah
Wajib Universiti			LMCW1022 Asas Keusahawanan dan Inovasi	2			2
Citra Universiti	MUET 2 sahaja LMCE1042 Breakthrough English (Citra 1)	2	**Citra 1 - Citra 6 (2 kursus)	4			10
	**Citra 2 - Citra 6 (2 kursus)	4					
Wajib Fakulti (WF)	MUET 3, 4, 5 & 6 sahaja **Citra 1 - Citra 6 (3 kursus)	6	MUET 2 sahaja LMCE1052 Bridging English	2			2
			MUET 3 sahaja LMCE1062 Academic Interaction				
			MUET 4 sahaja LMCE1072 Academic Literacy				
			MUET 5 & 6 sahaja LMCE1082 Page to Stage				
Wajib Pusat (WP)	SKAP1013 Alam, Manusia dan Budaya	3					3
Wajib Program (WM)	SKAA1013 Pengantar Antropologi	3	SKAA1033 Pengantar Statistik Sosial	3			12
	SKAA1023 Pengantar Sosiologi	3	SKAA1043 Sistem Sosial Malaysia	3			
Pilihan Bebas (PB)	*SKVXXX3 Bahasa Asing Asas I	3	SKPD1013 Pengantar Sains Sosial (Terarah)	3			9
			*SKVXXX3 Bahasa Asing 2	3			
Jumlah unit		18		20			38

Catatan :

* Bahasa Asing yang ditawarkan : Bahasa Cina, Bahasa Arab, Bahasa Thai, Bahasa Jepun, Bahasa German, Bahasa Korea, Bahasa Perancis, Bahasa Sepanyol.

** Pelajar boleh mendaftar mana-mana kursus dari Citra 1 hingga Citra 6. Jumlah unit semester yang dipaparkan adalah unit yang perlu didaftarkan dalam semester tersebut dan bukannya unit bagi satu kursus, ianya boleh terdiri daripada satu atau beberapa kursus.

Penawaran kursus sebagaimana tertera dalam jadual di atas adalah tertakluk kepada pindaan.

STRUKTUR KURIKULUM PENGAJIAN SARJANAMUDA PROGRAM ANTROPOLOGI DAN SOSIOLOGI							
TAHUN 2							
Kursus	Semester 1	Jum. Unit	Semester 2	Jum. Unit	Semester 3	Jum. Unit	Jumlah
Wajib Universiti	LMCW2153 Penghayatan Etika dan Peradaban	3	LMCW2143 Falsafah dan Isu Semasa	3			8
			LMCW2022 Pengurusan dan Analitik Data	2			
Citra Universiti	**Citra 1 - Citra 6	2					2
Wajib Fakulti (WF)	SKAP2064 Kaedah Penyelidikan	4					4
Wajib Pusat (WP)							
Wajib Program (WM)	SKAA2033 Teori Antropologi dan Sosiologi	3	SKAA2073 Kajiilidikan Lapangan	3			15
			SKAA2063 Ekonomi dan Masyarakat	3			
	SKAA2043 Metodologi Penyelidikan Antropologi dan Sosiologi	3	SKAA2123 Perubahan Sosial dan Pembangunan	3			
Pilihan Bebas (PB)	Pilih 1 sahaja SKAA2053 Keluarga dan Kekerabatan SKAA2113 Hubungan Etnik dan Identiti SKAA2133 Kelompok dan Budaya Minoriti SKAA2163 Devians dan Kawalan Sosiasal	3	Pilih 1 sahaja SKAA2103 Gerakan Agama SKAA2183 Kesihatan dan Masyarakat	3			12
	*SKVAXXX3 Bahasa Asing 3		3		SKAA2083 Ketaksamaan dan Mobiliti Sosial (Terarah)	3	
Jumlah unit		21		20			41

Catatan :

* Bahasa Asing yang ditawarkan : Bahasa Cina, Bahasa Arab, Bahasa Thai, Bahasa Jepun, Bahasa German, Bahasa Korea, Bahasa Perancis, Bahasa Sepanyol. Sekiranya pendaftaran telah penuh, pelajar boleh mengambil kursus Bahasa Asing 3 bila-bila masa pada Tahun 2 (Semester 2), Tahun 3 (Semester 1 & 2). Kekurangan kredit bagi Semester 1 boleh digantikan dengan kursus Citra 1 - Citra 6 yang perlu diambil pada Semester 2.

** Pelajar boleh mendaftar mana-mana kursus dari Citra 1 hingga Citra 6. Jumlah unit semester yang dipaparkan adalah unit yang perlu didaftarkan dalam semester tersebut dan bukannya unit bagi satu kursus, ianya boleh terdiri daripada satu atau beberapa kursus.

Penawaran kursus sebagaimana tertera dalam jadual di atas adalah tertakluk kepada pindaan.

STRUKTUR KURIKULUM PENGAJIAN SARJANAMUDA PROGRAM ANTROPOLOGI DAN SOSIOLOGI							
TAHUN 3							
Kursus	Semester 1	Jum. Unit	Semester 2	Jum. Unit	Semester 3	Jum. Unit	Jumlah
Wajib Universiti							
Citra Universiti							
Wajib Fakulti (WF)			SKPD3013 Workplace Competencies	3	SKAA3006 Latihan Industri	6	9
Wajib Pusat (WP)							
Wajib Program (WM)	SKAA3133 Teori Antropologi dan Sosiologi	3	SKAA3206 Latihan Ilmiah	6			30
	SKAA3143 Kuasa dan Governans	3	SKAA3223 Organisasi Kompleks	3			
	SKAA3153 Sosiologi Desa	3	SKAA3243 Budaya dan Konsumerisme	3			
	SKAA3263 Kriminologi	3	SKAA3253 Industri dan Sumber Manusia	3			
	SKAA3273 Etnografi Malaysia	3					
Pilihan Bebas (PB)	Pilih 1 sahaja SKAA3173 Dasar dan Perancangan Sosial SKAA3213 Urbanisasi dan Urbanisme	3					3
Jumlah unit		18		18		6	42

Penawaran kursus sebagaimana tertera dalam jadual di atas adalah tertakluk kepada pindaan.

Kursus Citra Universiti – Taraf kursus adalah C1 – C6 berjumlah 12 kredit. Pelajar perlu melengkapkan keperluan kredit minimum mengikut domain seperti berikut:

BIL	DOMAIN CITRA	JUMLAH KREDIT
1.	Domain 1 – Literasi Bahasa dan Komunikasi	2
2.	Domain 2 – Pemikiran Kritis dan Rekaipta	2
3.	Domain 3 – Literasi Sastera, Budaya dan Ketamadunan	2
4.	Domain 4 – Literasi Sains, Teknologi dan Kesihatan	2
5.	Domain 5 – Keusahawanan dan Tanggungjawab Sosial	2
6.	Domain 6 – Keterampilan Diri dan Pasukan	2

Kursus Program

SKAA1013 Pengantar Antropologi

Kepelbagaian yang mencirikan budaya dan masyarakat di seluruh dunia telah lama menarik perhatian ahli antropologi. Kursus ini mendedahkan para pelajar kepada kaedah dan perspektif antropologi untuk memahami masyarakat tersebut. Pada peringkat awal, kursus ini menghuraikan sejarah perkembangan antropologi dan skop antropologi. Menggunakan contoh beberapa masyarakat, perbincangan seterusnya bertumpu kepada pola budaya masyarakat bagi meningkatkan kepekaan kepada kepelbagaian perbezaan budaya dan implikasinya terhadap kehidupan; kaedah kajian lapangan jangka panjang dalam mengkaji budaya dan masyarakat; dan belajar berfikir analitikal tentang kehidupan orang lain dan kehidupan kita.

Anthropologists have from the beginning focussed their attention to the diversity of cultures and societies around the world. This course introduces students to the methods and perspectives of social/cultural anthropology in understanding those societies. The course begins with a description on the historical development of anthropology and its scopes. Using case studies from diverse societies the course emphasizes on appreciating cultural differences and its implications; doing long-term fieldwork in studying cultures and societies; and learning to think analytically about our own and other people's lives.

Bacaan Asas

- Candea, M. 2019. *Comparison in anthropology: the impossible method*. UK: Cambridge University Press.
- Engelke, M. 2019. *Think like an anthropologist*. UK: Penguin Books Ltd.
- Guest, K. J. 2020. *Essentials of cultural anthropology: a toolkit for a global age*. 3rd edition. USA: W. W. Norton and Company.
- Kottak, C. P. 2022. *Cultural anthropology: appreciating cultural diversity*. 19th edition. Europe: McGraw-Hill Education.
- Lavenda, R. H. & Schultz, E. A. 2020. *Anthropology: what does it mean to be human?* 5th edition. New York: Oxford University Press.

SKAA1023 Pengantar Sosiologi

Kursus ini memperkenalkan sosiologi sebagai satu disiplin ilmiah yang mengkaji perubahan dan interaksi sosial masyarakat moden, industri dan sedang mengindustri serta masyarakat urban. Dengan tujuan membina imaginasi serta perspektif sosiologi dalam minda para pelajar, kursus ini bermula dengan memperkenalkan konsep-konsep penting yang relevan dengan ilmu sosiologi. Setelah itu, diperkenalkan secara ringkas setiap satu institusi sosial yang telah terbina kukuh dalam budaya masyarakat moden-industri. Selanjutnya kursus ini memperkatakan tentang interaksi, kawalan dan

kestabilan sosial; ketaksamaan dan mobiliti sosial; organisasi kompleks; devians dan jenayah; hubungan ras dan etnik; hubungan gender; interaksi dalam institusi ekonomi; politik dan pemerintahan; institusi keluarga; pendidikan; sistem kepercayaan dan agama; kependudukan dan urbanisasi; kelakuan kolektif dan pergerakan sosial; dan globalisasi. Setelah itu para pelajar diperkenalkan kepada kaedah kajian sosiologi. Pada bahagian akhir, kursus ini memperkenalkan secara ringkas tokoh-tokoh pengasas sosiologi dengan memberikan tumpuan kepada sumbangan Comte, Marx, Durkheim dan Weber.

This course introduces sociology as a discipline that studies social change and interactions in modern industrializing societies. In order for students to develop their own sociological imagination, this course begins by introducing basic and relevant concepts such as social institutions, social stability and social control, social inequality and mobility, complex organizations, deviance and crime, race and ethnic relations, gender issues, social interactions within the economic institution, politics and government, education, belief systems and religion, population and urbanization, collective behaviour and social movements, and globalization. Students will be briefly introduced to sociological methods. Finally, lectures will touch upon the contribution of the founding fathers of sociology, namely Comte, Marx, Durkheim and Weber.

Bacaan Asas

Ali Meghji. 2020. *Decolonizing sociology: an introduction*. Oxford: Polity Press.

Babbie, E. R. 2020. *The practice of social research*. 15th edition. Belmont, CA: Cengage Learning, Inc.

Browne, K. 2020. *An introduction to sociology*. 5th edition. Oxford: Polity Press.

Giddens, A. & Sutton, P. W. 2021. *Sociology*. 9th edition. Oxford: Polity Press.

Tubergen, F. V. 2020. *Introduction to sociology*. Bosa Roca, United States: Taylor & Francis Inc.

SKAA1033 Pengantar Statistik Sosial

Tujuan utama kursus ini ialah untuk memberi kefahaman konseptual tentang tatacara asas dalam statistik dan penggunaan tatacara ini dalam penyelidikan dan penulisan. Tajuk yang diliputi merangkumi deskripsi data sosial dalam bentuk grafik dan bukan grafik, logik statistik inferensi dan kesignifikanan ujian. Perbincangan akan ditumpukan kepada saling hubungan antara konsep dalam penyelidikan, soal selidik dan nombor. Perbincangan juga memfokus kepada logik dalam analisis data kuantitatif termasuk ukuran kecenderungan tengah, serakan, ukuran asosiasi dan ujian kesignifikanan bagi tahap pengukuran tertentu. Akhirnya, kursus ini mengajar pengujian hipotesis yang mudah dengan menggunakan ujian parametrik dan bukan parametrik.

The primary goal of this course is to offer a conceptual understanding of basic procedures in statistics and the use of these procedures in research and writing.

Topics covered include description of social data in graphic and non-graphic form, the logic of statistical inference and significance test. Discussion will initially focus on interrelationship between research concepts, questionnaires and numbers. The course will also focus on the logic of quantitative data analysis, including measures of central tendency and dispersion, measures of associations and test of significance for appropriate levels of measurement. Finally, simple hypothesis testing using parametric and non-parametric tests will also be taught.

Bacaan Asas

- Leon-Guerrero, A. Y., Farankfort-Nachmias, C. & Davis, G. 2020. *Essentials of social statistics for diverse society*. 4th edition. SAGE Publications.
- Muhammad Idris Bullare @ Bahari Beddu Salam Baco. 2019. *Buku kerja statistik sosial*. Penerbit Universiti Malaysia Sabah.
- Voght, W.P & Johnson, R.B. 2016. *The SAGE dictionary of statistics & methodology: a nontechnical guide for the social sciences*. SAGE Publications.
- Wagner, W. E. *Using IBM® SPSS® statistics for research methods and social science statistics*. 7th edition. SAGE Publications.
- Warne, R. T. 2020. *Statistic for the social sciences*. Cambridge: Cambridge University Press.

SKAA1043 Sistem Sosial Malaysia

Kursus ini adalah berkenaan ‘manusia’, ‘masyarakat’, dan ‘kebudayaan’ Malaysia. Sehubungan itu negara Malaysia dilihat sebagai suatu sistem sosial yang mempunyai sejarah dan strukturnya tersendiri yang sentiasa berubah akibat paluan gerak kuasa sosial tempatan dan global. Oleh yang demikian, dalam kursus ini huraian mengenai evolusi sistem sosial Malaysia dari perspektif sejarah dan ekonomi politik adalah diutamakan. Paduan antara pendekatan yang bersifat struktural dan sejarah ini akan dapat memberikan pengertian yang mendalam bagi memahami proses pembentukan sistem sosial Malaysia yang terdapat kini.

This course is about ‘man’, ‘society’, and ‘culture’ of Malaysia. Malaysian society is a social system with its own history and structure that is constantly changing due to the impact and influence of the local and global social forces. As such, this course is to explain and discuss the evolution of the Malaysian social system from the historical and political-economy perspectives. It is hoped that the combination of the structural and historical perspectives will contribute towards a deeper understanding of the existing Malaysian social system.

Bacaan Asas

- Abdul Rahman Embong. 2000. *Negara Bangsa, proses dan perubahan*. Bangi: Penerbit Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Evers, Hans-Dieter, Abdul Rahman Embong dan Rashila Ramle (pnyt). 2019. *Connecting oceans: Malaysia as a maritime nation*. Bangi: Penerbit Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Gill, Sarjit S. and Lee, Yok Fee (pnyt.). 2008. *Masyarakat dan kepelbagaian sosial di Malaysia*. Serdang: Universiti Putra Malaysia Press.
- Luhmann, Niklas. 2013. *Introduction to systems theory*. Cambridge, MA: Polity Press.
- Norizan Abdul Ghani, Siti Hajar Abdul Rauf, Jabil Mapjabil. (pytg.). 2021. *Pembangunan komuniti ke arah kesejahteraan hidup*. Penerbit Universiti Tun Hussein Onn Malaysia.

SKAA2033 Teori Antropologi dan Sosiologi

Kursus ini membincangkan sumbangan pemikir-pemikir sosial kepada perkembangan teori dalam bidang antropologi dan sosiologi sebelum abad ke 19 sehingga awal abad ke20. Perbincangan mengambil Perbincangan mengambil kira sejarah sosial dan latar belakang intelektual yang mempengaruhi idea dan pendekatan tokoh-tokoh pengasas pemikiran teori seperti Comte, Spencer, Ibnu Khaldun, Morgan, Tylor, Marx, Engels, Weber, Durkheim, Boas, Westermarck, Radcliffe-Brown dan Malinowski. Sejarah penubuhan ilmu moden dan pemikiran sosial yang terungkap dalam pengajian sosiologi klasik dan antropologi awal dalam tempoh ini diteliti dan diamati bersama. Melalui perbincangan ini pelajar dapat mengenal pasti peralihan pemikiran dari tradisi falsafah positivistik ke arah tradisi empiris yang dibawa melalui beberapa teori agung seperti struktural-fungsional, Marxisme, interaksionisme simbolik dan strukturalisme. Kekuatan dan kelemahan teori-teori tersebut dibincangkan dengan terperinci.

The course discusses the contributions of social thinkers to the development of the discipline of anthropology and sociology before the nineteenth and until early twentieth centuries. The discussion takes into consideration the social history and intellectual background that influence the ideas and approaches undertaken by the early theorists such as Comte, Spencer, Ibnu Khaldun, Morgan, Tylor, Marx, Engels, Weber, Durkheim, Boas, Westermarck, Radcliffe-Brown and Malinowski. The history of the establishment of modern knowledge and social thought inherent in classical sociology and early anthropology of the period is examined and observed together. Throughout the discussion the students are expected to understand the development of social thoughts originating from the tradition of the philosophy of positivism to the philosophy of empiricism as highlighted in the main theories, for example, structural-functionalism, Marxism, symbolic interactionism and structuralism. The strength and limitation of the theories are discussed in detail.

Bacaan Asas

- Dillon, Michele. 2020. *Introduction to sociological theory: theorists, concepts and their applicability to the twenty first century*. 3rd edition. John Wiley and Sons Ltd.
- Harris, M. 2019. *The Rise of anthropological theory: a history of theories of culture*. Walnut Creek, CA: Altamira Press.
- Jones, Pip & Bradbury, Liz. 2020. *Introducing social theory*. 6th edition. Oxford United Kingdom: Polity Press
- Ritzer, G. & Goodman, D. 2019. *Sociological theory*. 9th edition. New York: McGraw Hill.
- Zeitlin, I.M. 2019. *Ideology and the development of sociological theory*. 2nd edition. New Jersey: Prentice Hall.

SKAA2043 Metodologi Penyelidikan Antropologi dan Sosiologi

Kursus ini bertujuan memberikan kefahaman yang lebih mendalam terhadap kaedah penyelidikan bidang antropologi dan sosiologi. Kursus ini dimulai dengan perbincangan tentang teori penyelidikan, permasalahan kajian, sorotan karya dan perancangan penyelidikan. Seterusnya kursus ini memfokus kepada dua pendekatan utama penyelidikan, iaitu kualitatif dan kuantitatif. Aspek penyelidikan kualitatif merangkumi kaedah kerja lapangan berbentuk kajian etnografi dan kaedah menganalisis data kualitatif. Manakala kaedah penyelidikan kuantitatif pula merangkumi persediaan penyelidikan dengan kemahiran merangka dan menggunakan soal selidik, menentukan pensampelan, mengendalikan survei dan menganalisis data kuantitatif menggunakan SPSS. Aspek penulisan hasil penyelidikan dan etika dalam penyelidikan juga dibincangkan.

This course aims to give students an in-depth understanding of various research methods in anthropology and sociology. The discussion begins with an explanation of theoretical framework, research problem, literature review and research design. This will be followed by an examination of two main approaches in research, i.e. qualitative and quantitative approaches. The qualitative approach emphasises on ethnographic research and its specific data analysis. The quantitative approach emphasises the survey method in data collection and analysis of data using the SPSS. Aspects on the writing of research findings and research ethics will also be discussed.

Bacaan Asas

- Bernard, H.R., & Gravelle, C.C. 2014. *Handbook of methods in cultural anthropology*. Lanham: Rowman & Littlefield.
- Brenner, P.S. 2020. *Understanding survey methodology: sociological theory and applications*. Switzerland: Springer International Publishing.
- Creswell, J.W. & Creswell, J.D. 2018. *Research design: qualitative, quantitative, and mixed methods approaches*. 4th edition. SAGE Publications. Thousand Oaks.

- Gordon, L.E. 2019. *Real research: research methods sociology students can use*. SAGE Publications. Thousand Oaks.
- Jason, L.A. & Glenwick, D. V. 2016. *Handbook of methodological approaches to community-based research*. New York: Oxford University Press.

SKAA2053 Keluarga dan Keekerabatan

Dalam kebanyakan masyarakat, keluarga dan keekerabatan memainkan peranan penting dalam sosialisasi individu bagi mengekalkan perpaduan kelompok. Kursus ini bertujuan menjelaskan kepentingan dan persoalan berkaitan keluarga dan keekerabatan dalam masyarakat. Sehubungan itu kursus ini, pertama, menjelaskan perhubungan struktural antara keluarga, kelompok domestik dan keekerabatan. Kedua, perbincangan ditumpukan kepada proses pembentukan keluarga, perkahwinan dan kelahiran anak. Ketiga, fungsi dan peranan ahli keluarga, disorganisasi keluarga dan pelbagai masalah yang menjadi cabaran kehidupan berkeluarga diberikan penekanan. Analisis bersifat silang-budaya menjadi pendekatan dan perhatian kursus.

In most societies, families and kinships play an important and significant role in socializing members of the society in order to maintain the stability of the group. This course provides a tool in explaining various experiences and aspects of families and kinship systems. Firstly, the course will explain the structural relationship between families, domestic group and kinship system. Second, the discussion focuses on the process of development of families, marriage system and reproduction. Thirdly, the course will discuss functions and roles of family members in the society, family disorganization and the problems and challenges of family life in contemporary society. The discussion will take into account the cross-cultural analysis of the subject.

Bacaan Asas

- Adler, M. A. & Lenz, K. 2023. *The Changing faces of families: diverse family forms in various policy contexts*. Routledge.
- Cohen, P.N. 2020. *The Family: diversity, inequality and social change*. New York: WW Norton.
- Halatcheva-Trapp, M., Montanari, G. & Schlinzig, T. 2019. *Family and space: rethinking family theory and empirical approaches*. 1st edition. Routledge.
- Fink, J.N. 2022. *All our families: disability lineage and the future of kinship*. Boston: Beacon Press.
- Quaid, S., Hugman, C. & Wilcock, A. 2022. *Negotiating families and personal lives in the 20st century: exploring diversity, social change and inequalities*. London: Routledge.

SKAA2063 Ekonomi dan Masyarakat

Kehidupan ekonomi boleh difahami dari sudut beberapa disiplin termasuk antropologi dan sosiologi. Sehubungan dengan itu, kursus ini bertujuan menghuraikan pengaruh atau hubungan timbal balas aspek ekonomi seperti sistem produksi, distribusi dan konsumsi ke atas struktur dan sistem sosial, politik serta budaya masyarakat. Pelbagai konsep dan teori yang berkaitan dengan ekonomi pasaran, ekonomi politik, budaya ekonomi, perubahan sosial dan pembangunan ekonomi juga dibahas. Contoh-contoh empirikal daripada pengalaman negara-negara di Asia Tenggara dirujuk secara khusus.

Economic life can be understood from the disciplines of social sciences such as anthropology and sociology. This course deals with the nature and economic culture of simple community as well as modern and industrial societies. From the perspective of anthropology, the course will discuss the economic culture of simple and marginal communities, as well as the economic dynamics of peasantry and fishing communities. From the sociological perspective the course will discuss the nature and dynamics of modern market economy. Capitalism and globalization will be discussed as special topics.

Bacaan Asas

Hann, C. & Hart, K. 2018. *Economic anthropology*. New York: John Wiley & Sons.

Haas, Jeff. 2007. *Economic Sociology: An Introduction*. Oxon: Routledge.

Tribe, K. 2019. *Economy and Society: A New translation*. Cambridge: Harvard University Press.

Wilk, R. R. & Cliggett, L. 2019. *Economics and culture: foundations of economic anthropology*. London: Routledge.

Weber, M. & Tribe, K. 2019. *Economy and society: a new translation*. Cambridge, Massachusetts: Harvard University Press.

SKAA2073 Kajian Lapangan

Bagi membolehkan pelajar menjadi pengamal ilmu sosiologi dan antropologi, mereka perlulah memahami bagaimana penyelidikan telah dilakukan oleh ahli-ahli sosiologi dan antropologi yang terdahulu. Selain itu mereka juga diharap dapat menilai penyelidikan berkenaan dan seterusnya menjalankan penyelidikan sendiri dengan menggunakan kaedah penyelidikan yang berbeza-beza. Kursus ini bertujuan, pertama, memperkenalkan pengetahuan asas bersifat konseptual yang mendasari kajian lapangan iaitu, suatu kegiatan akademik penting di luar bilik kuliah yang membolehkan pelajar bersemuka dengan subjek yang mereka selidiki. Kedua, memberi peluang kepada pelajar untuk melaksanakan sendiri kajian lapangan secara praktikal berdasarkan suatu projek yang konkrit yang telah mereka sediakan. Justeru kursus ini direkabentuk supaya dapat membina pengetahuan serta melengkapkan para pelajar dengan kemahiran-kemahiran tertentu semasa sekali gus keterampilan pelajar dalam kegiatan menjalankan penyelidikan.

In order to enable students to practise anthropology and sociology, they must first understand how researches are conducted by past anthropologists and sociologists. Apart from that, they must be able to evaluate those researches and carry out their own research using various types of research methods. The course aims, firstly, to introduce basic conceptual knowledge underlying fieldwork research as an important academic exercise outside the classroom that will enable students to meet their research subjects. Secondly, fieldwork research gives the students the opportunity to conduct their own research based on concrete projects prepared by them. The course is designed to develop the knowledge and simultaneously the skills needed in carrying out research work.

Bacaan Asas

- Bailey, C. A. 2018. *A Guide to qualitative field research*. 3rd edition. Thousand Oaks: Sage Publications.
- Bernard, H. R. 2018. *Research methods in anthropology: qualitative and quantitative approaches*. 6th edition. Maryland: Rowman & Littlefield
- Creswell, J. W. & Creswell, J. D. 2018. *Research design: qualitative, quantitative and mixed methods approaches*. Thousand Oaks: Sage Publications
- Neuman, W.L. 2020. *Social research methods: qualitative and quantitative approaches*. 8th edition. Boston: Pearson Education Inc.
- Grønmo, S. 2020. *Social research methods: qualitative, quantitative and mixed methods approaches*. London: SAGE Publications Ltd.

SKAA2083 Ketaksamaan dan Mobiliti Sosial

Ketaksamaan sosial dalam masyarakat umumnya wujud secara diwarisi (ascribed) dan dicapai (achieved) dalam bentuk umur, jantina, kasta, etnik, kelas, status dan budaya. Kursus ini menumpukan perbincangan kepada tiga perkara iaitu yang pertama ialah, struktur dan aturan sosial yang mewujudkan pelbagai bentuk ketaksamaan dan stratifikasi dalam masyarakat pra-industri, pertanian, industri dan pasca-industri. Kedua, teori sosial mengenai ketaksamaan/stratifikasi dan mobiliti sosial. Beberapa kajian tentang struktur, bentuk dan proses ketaksamaan yang bersifat makro dan mikro diteliti menggunakan perdebatan utama dalam teori yang dibincang. Akhir sekali, isu-isu atau implikasi ketaksamaan seperti soal social closure dan peluang hidup yang menentukan mobiliti sosial turut dibahas. Perbincangan dalam kursus ini juga bertujuan untuk mengupas secara kritis ketaksamaan dan mobiliti sosial dalam konteks pendidikan, pekerjaan, prestij, gender dan pengalaman hidup berkaitan dengan kemiskinan.

Social inequality in society generally exists through ascribed and achieved conditions in the forms of age, sex, caste, ethnic, class, status and culture. The course focuses on three main areas. The first area is on the structure and social order that influence the existence of various forms of social inequality and stratification in pre-industrial, agricultural, industrial and post-industrial societies. Secondly, the course deals with social inequality/stratification and social mobility. Research works on the structure,

form and processes of inequality at the micro and macro levels will be dealt with using the main ideas of the theories discussed. Finally, various issues or implications of inequality, for examples, social closure and life chances that affect social mobility will be examined. The discussion in this course also attempts to critically evaluate social inequality and mobility in the contexts of education, occupation, prestige, gender and life experiences related to poverty.

Bacaan Asas

- Erhan ArtucGuido & PortoBob Rijkers. 2022. *Evidence from developing countries the inequality adjusted gains from trade*. London, United Kingdom: Springer Cham.
- Lee Elliot Major & Stephen Machin. 2020. *What do we know and what should we do about social mobility?* London, United Kingdom: Sage Publications Ltd.
- Savage, Mike. 2021. *The Return of inequality: social change and the weight of the past*. London, United Kingdom: Harvard University Press.
- Savage, Mike . 2019. *Social Class in the 21st century*. London, United Kingdom: Penguin Books Ltd.
- Suzan Kommers & Krishna Bista (ed). 2021. *Inequalities in study abroad and student mobility navigating challenges and future directions*. London, United Kingdom: Routledge.

SKAA2103 Gerakan Agama

Dunia telah dan sedang menyaksikan ratusan gerakan agama muncul dalam situasi krisis sebagai respons terhadap proses rasionalisasi kehidupan atau untuk menangani tekanan yang mengiringi modenisasi. Dengan menggunakan perspektif sosiologi, kursus ini meninjau mengapa dan bagaimana fenomena tersebut berlaku serta kesan-kesannya terhadap masyarakat. Perbincangan akan tertumpu kepada agama dan masyarakat dengan turut memahami makna ‘agama’, teori-teori sosiologi mengenai gerakan agama dan isu-isu berkaitan seperti peranan agama dalam masyarakat, pemodenan dan politik identiti yang berkait rapat dengan kemunculan gerakan agama seperti Muhammadiyah, Hare Rama Hare Krishna, Christian Charismatic Renewal, Sante Ashoke, Thammanikai dan Ikhwanul Muslimin.

The world has witnessed and is witnessing hundreds of religious movements that exist in a crisis situation as a response of the process of rationalizing life or for the purpose of addressing tension that accompanies modernization. Using the sociological perspective, the course examines why and how such phenomenon takes place and its specific impact on society. The discussion focuses on the religion and society, with strong emphasis on understanding the meaning of ‘religion’, the meaning of ‘religion’, the sociological theories on religious movements and the related issues such as the role of religion in society, modernity and the politics of identity associated with the development of religious movements such as Muhammadiyah, Hare Rama Hare Krishna, Christian

Charismatic Renewal, Santi Ashoke, Thammanikai and Ikhwanul Muslimin.

Bacaan Asas

- Cady, L.E. & Simon, S.W. (eds.). 2020. *Religion and conflict in South and Southeast Asia: disrupting violence*. London: Routledge.
- Day, Abby. 2019. *Textbooks for teaching the sociology of religion*. *Religion*, 49(2), pp. 296-307. Goldsmiths Research Pub.
- Dunbar, Robin. 2022. *How religion evolved and why it endures*. A Pelican Book.
- Glazier, S.D. (ed.). 1999. *Anthropology of religion: a handbook*. Westport CT: Praeger.
- Johnstone, R.L. 2018. *Religion in society: a sociology of religion*. 12th Edition. New Jersey: Prentice Hall

SKAA2113 Hubungan Etnik dan Identiti

Anggota masyarakat cenderung membezakan satu sama lain dengan mewujudkan sempadan sosial dan stereotaip. Kursus ini bertujuan membincangkan hubungan etnik berdasarkan konsep-konsep penting seperti etnisiti, etnik dan identiti. Tumpuan juga diberikan kepada pembentukan identiti etnik akibat perubahan masyarakat serta pengaruh proses globalisasi dan migrasi. Sehubungan itu, konsep-konsep berkaitan iaitu toleransi, asimilasi, sikap prejudis, diskriminasi dan konflik dalam serta antara etnik diberi penekanan. Teori-teori hubungan etnik dibincangkan dengan berpandukan contoh-contoh semasa berdasarkan pengalaman masyarakat Malaysia, Eropah, India dan Amerika.

Members of society tend to differentiate one individual from another by creating social boundaries and having stereotypical attitudes. The course aims to discuss ethnic relations based on important concepts such as ethnicity, ethnic and identity. Discussions will also focus on ethnic identity formation as a result of societal changes and influence of the processes of globalization and migration. As such, related concept, i.e. tolerance, assimilation, prejudices, discrimination and conflict existing at the level of inter and intra-ethnic will be emphasized. Theories of ethnic relations are examined based on current examples of experiences of societies like Malaysia, Europe, India and America.

Bacaan Asas

- Demertzis, Nicolas. 2020. *The Political sociology of emotions: essays on trauma and resentment*. New York: Routledge.
- Esler, Philip. 2021. *2 Corinthians: A Social identity commentary*. Edinburgh: Bloomsbury Publishing PLC.
- Reem A. Abu-Lughod (ed.). 2019. *Perspectives in race and ethnic relations: myths, issues, and current controversies*. San Diego: Cognella Academic Publishing.
- Ribeiro, Michele D. 2020. *Examining social identities and diversity issues in group therapy knocking at the boundaries*. Oxfordshire: Routledge.

Stone, John., Dennis, Rutledge., Rizova, Polly., & Xiaoshuo Hou. 2020. *The Wiley Blackwell Companion to race, ethnicity, and nationalism*. Chichester West Sussex: John Wiley & Sons Ltd.

SKAA2123 Perubahan Sosial dan Pembangunan

Akibat perubahan besar di peringkat global, maka adalah perlu untuk memahami dan membincang proses perubahan sosial dan pembangunan dari sudut konsep dan praktiknya seperti yang dialami masyarakat Negara-negara Selatan. Dengan itu, adalah menjadi tujuan kursus ini membincang dan mengupas teori-teori mengenai perubahan sosial dan pembangunan, konsep-konsep yang sehubungan, serta kaitan dan implikasinya terhadap proses perancangan dan penyusunan semula masyarakat. Berdasarkan beberapa kajian kes, dapatlah dinilai kesan positif dan negatif yang dialami oleh institusi, struktur dan organisasi sosial masyarakat Negara-negara Selatan, juga hubungannya dengan masyarakat Negara-negara Utara dalam era globalisasi.

Massive changes taking place at the global level, make it imperative for us to understand and discuss social change and development processes, its concepts, theories, impacts and practices especially as experienced by the countries of the South. It is the objective of this course to discuss and explain the processes of change and development as well as their relations and implications to planning and restructuring of societies. Based on case studies, negative and positive impacts of change and development on social institutions, structure and organisations of societies in the South will be assessed. Also discussed will be the South's relationships with the North, especially within the context of globalization.

Bacaan Asas

- McMichael, P & Weber. H. 2021. *Development and social change: a global perspective*. Thousand Oaks, Cal.: Pine Forge Press.
- Petterson., T. C. 2019. *Social change theories in motion: explaining the past, understanding the present, envisioning the future*. London: Routledge
- Rahimah A. Aziz & Mohamed Yusoff Ismail. 2000. *Masyarakat, budaya dan perubahan*. Bangi: Penerbit UKM.
- Rahimah A. Aziz. 2001. *Pengantar sosiologi pembangunan*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Walter., C. C. 2021. *Leadership for social change and development: inspiration and transformation*. United Kingdom: Palgrave Macmillan.

SKAA2133 Kelompok dan Budaya Minoriti

Ketaksamaan dan dominasi adalah proses universal yang secara ketaranya telah membentuk kelompok minoriti dalam masyarakat. Kelompok minoriti pula lebih terserlah dalam era moden kerana ada upaya menyalurkan pengalaman (didiskriminasi oleh golongan majoriti) dalam bentuk gerakan yang tersusun. Kursus ini membincangkan minoriti sebagai fenomena sosial dan budaya. Penekanan diberikan kepada: teori dan konsep minoriti; jenis minoriti dan faktor pembentukan minoriti dengan tumpuan kepada kelompok minoriti ras, etnik, jantina, umur, dan tingkah laku. Oleh kerana ‘minoriti’ merupakan masalah yang berbeza dari tempat ke tempat dan dari kelompok ke kelompok, kursus ini mengambil kira pengalaman kelompok minoriti di Malaysia, Asia Tenggara, Eropah, Amerika dan Afrika.

Inequality and domination are two processes that are directly related to the formation of minority groups in societies. Minority groups become more visible in the modern day due to their ability to channel their aspiration systematically via social movement. This course is about the minority as social and cultural phenomena. Topics of discussion include: concepts and theories on minority, types of minority and the formation of minority groups such as racial/ethnic minority, cultural minority, economic minority, sexual minority and behavioural minority. The different experiences and problems faced by different minority groups in Malaysia, Southeast Asia, Europe, America and Africa will be given special attention.

Bacaan Asas

- Farley, J. E. 2012. *Majority-minority relations*. 6th edition. NJ: Prentice Hall.
- Gallagher, C. A. 2019. *Rethinking the colour line: readings in race and ethnicity*. 6th edition. Thousand Oaks: Sage Publications, Inc.
- Healey, J H. 2012. *Race, ethnicity gender and class: the sociology of group conflict and change*. 6th edition. Thousand Oaks: Sage Publication
- Montalvo-Barbot, A. 2019. *Melting pot, multiculturalism, and interculturalism: the making of majority-minority relations in the United States*. Rowman & Littlefield.
- Pillai, P. 2015. *Yearning to belong: Malaysia's Indian Muslims, Chitties, Portuguese Eurasians, Peranakan Chinese and Baweanese*. Singapore: ISEAS Publishing

SKAA2163 Devians dan Kawalan Sosial

Salah satu kesan perubahan sosial pesat yang berlaku dalam sesebuah masyarakat moden ialah kemunculan dan peningkatan masalah sosial seperti devians. Fenomena ini mempunyai pelbagai implikasi tertentu terhadap kemajuan dan kesejahteraan negara, maka devians perlu ditangani sebaik mungkin. Bahagian pertama kursus ini membincang konsep, pola, etiologi dan teori tentang devians. Bahagian kedua mengupas beberapa fenomena devians seperti homoseksualiti, alkoholisme, gangguan mental, delinkuensi, keganasan, dan tingkahlaku *counter-culture*. Bahagian ketiga pula tertumpu kepada

fungsi dan peranan sistem serta bentuk kawalan sosial formal dan tak formal. Bahagian akhir kursus ini menilai keberkesanan beberapa bentuk dan langkah menangani masalah devians seperti yang dilakukan oleh pusat pemulihan juvana, pusat perlindungan, dan sistem khidmat masyarakat. Kursus ini menganalisis serta menilai devians dan kawalan sosial di Malaysia dan beberapa negara lain.

One of the effects of rapid social change in a modern society is the development and rise of social problems such as deviance. This phenomenon has several specific implications on a country's progress and social well-being, and therefore warrants a careful social control approach in order to address or combat the problem. The first part of the course discusses the concept, pattern, etiology and theory of deviant behavior. The second part analyzes the types of deviant behavior such as homosexuality, alcoholism, mental disorder, delinquency, violence and counter-cultural behavior. The third part of the course discusses the function and role of the system and form of formal and informal social control. Lastly, the course evaluates the effectiveness of the forms and measures of social control undertaken, for examples, by the rehabilitation centers, detention centers and the community service system. The overall discussion analyzes and evaluates deviance and social control in Malaysia and some other countries.

Bacaan Asas

Curra, J. 2019. *The Relativity of deviance*. USA: SAGE Publication.

Deflem, M. 2019. *The Handbook of social control*. United Kingdom: Wiley Blackwell.

Henry, S. 2019. *Social deviance*. Cambridge: Polity Press.

Inderbitzin, M, L., Bates, K, A., & Gainey, R, R. 2020. *Deviance and social control: a sociological perspective*. 3rd edition. United States: SAGE Publishing.

Wright, C. W., & Hilbert, R. E. 2020. *On the sociology of deviant behavior*. Oklahoma: New Forum Press.

SKAA2183 Kesihatan dan Masyarakat

Kursus ini dirancang untuk menyediakan pelajar peluang menerokai makna, idea, teori dan isu yang berkaitan dengan kesihatan dan penyakit sebagaimana dikaji dan difahami oleh ahli-ahli antropologi dan sosiologi. Kursus dibahagikan kepada empat bahagian. Bahagian pertama, membincangkan konsep kesihatan, kesakitan dan penyakit dari sudut bioperubatan, sosial, psikologikal dan kerohanian. Bahagian kedua, perhatian diberikan kepada teori sosial yang boleh digunakan dalam memahami kesihatan dan perubatan. Bahagian ketiga membincangkan isu-isu semasa yang berkaitan dengan kesihatan dan perubatan, iaitu peranan sistem perubatan alternatif, kepercayaan tradisi, makanan dan pemakanan, alam sekitar, teknologi perubatan, gender, gaya hidup dan globalisasi. Dalam bahagian empat, implikasi sosial akibat daripada perubahan dalam bidang perubatan, kesihatan dan gaya hidup juga akan disentuh.

The course is designed to provide the students the opportunity to explore meaning, ideas, theory and issues related to health and diseases as understood by sociologists and anthropologists. The course is divided into four parts. The first part discusses the concept of health, pain and illness from biomedical, social, spiritual and psychological perspectives. The second part concentrates on social and cultural theories in order to understand health and cure. The third part discusses current issues related to health and medicine such as alternative medicine, traditional belief and healers, food security, environment, medical technology, gender, life style and globalization. The social implications of changes in medical practices, health and life style will also be discussed.

Bacaan Asas

- Barkan, S. E. 2020. *Health, illness, and society: an introduction to medical sociology*. Lankan, MD: Rowman & Littlefield.
- Cockerham, W.C. 2022. *Medical sociology*. 15th Edition. Routledge.
- Cockerham, W. C. 2021. *Sociology of mental disorder*. Routledge.
- Jurkowski, E. T., & Guest, M. A. 2021. *Healthy aging through the social determinants of health*. American Public Health Association.
- Weiss, G. L., & Copelton, D. 2020. *The Sociology of health, healing and illness*. 10th edition. Routledge.

SKAA3006 Latihan Industri/Kerjaya

Pengetahuan dan kemahiran dalam bidang antropologi dan sosiologi hanya dapat dipertingkatkan melalui amali yang menjadi komponen kursus metodologi, kajilidikan, latihan ilmiah dan latihan industri/kerjaya. Istilah industri mengambil kira makna industri dalam konteks yang luas merangkumi aktiviti ekonomi dan sosial. Latihan Industri/Kerjaya membantu menjana kemahiran daripada pengalaman bekerja dalam organisasi formal dan tak formal. Kursus ini bertujuan supaya pelajar: i) didedahkan kepada budaya kerja dan kerjaya dalam organisasi formal dan tak formal; ii) dapat mengaplikasikan ilmu dan kemahiran berkomunikasi serta berinteraksi dalam suasana kerja organisasi; iii) dapat menghayati dan mempraktikkan tatacara pengurusan dan etika kerja organisasi. Untuk menjalani Latihan Industri/Kerjaya pelajar perlu mengikuti Kursus Persediaan Latihan Industri/Kerjaya selama sebulan di kampus dan kemudian ditempatkan di organisasi selama dua bulan. Pada akhir kursus ini, pelajar dikehendaki menyediakan satu laporan Latihan Industri/Kerjaya yang akan diberi gred.

The knowledge and skills in anthropology and sociology can only be enhanced through practical experiences in methodology course, fieldwork, graduation exercise and industrial/career training. The term industry takes into account the meaning of industry in a larger context encompassing economic and social activities. Industrial/Career Training can generate certain knowledge and skills from learning and work experience in formal and informal organizations. The objective of the Industrial/Career Training

is to enable students to get an exposure to the learning and working environment within an organizational setting. The training gives an opportunity for students to: i) gain an exposure to the work culture in a formal or informal organization; ii) apply the knowledge and skills in communication and interaction within the work environment, iii) practise management procedures and work ethics that exist in the organization. The course is divided into two stages. Stage one constitutes one month preparation exercises conducted within the university. Stage two involves a two-month Industrial/ Career Training in a formal or informal organizational setting. At the end of the course, students are required to submit a report which will be graded.

SKAA3133 Teori Antropologi dan Sosiologi Lanjutan

Kursus ini membincangkan teori antropologi dan sosiologi yang wujud dalam masyarakat maju dan membangun pada masa ini akibat perindustrian dan pemodenan dan sejak awal abad ke 20. Teori tersebut berkaitan dengan aliran pemikiran seperti fungsionalisme, strukturalisme, pasca-strukturalisme, interaksionisme, modenisme, pasca modenisme, pasca kolonialisme dan orientalisme. Antara teori yang disentuh ialah teori struktural-fungsional dan post struktural, teori strukturasi, teori pertukaran, teori pilihan bebas, teori modenisasi, teori modeniti, teori pasca moden dan teori sistem dunia. Tokoh yang berkaitan juga dibincangkan dalam kursus ini. Ringkasan idea-idea asas yang mendasari teori dan isu-isu sosial semasa yang berkaitan dengan teori ini turut dibincangkan.

This course discusses various anthropological and sociological theories that emerged in developing and advanced societies since industrialisation and modernization in the early 20th century. The theories are related to functionalism, structuralism, post-structuralism, interactionism, modernism, post modernism, post colonialism and orientalism. Among the theories are structural-functional theory, structuration theory, interaction and symbolic interaction theory, rational choice theory, exchange theory, modernisation theory, modernity theory, post modern theory and world system theory. The relevant thinkers are also given attention. Current issues related to these theories and theoretical ideas are also dealt with.

Bacaan Asas

- Erickson, P. A. & Murphy, L. D. 2021. *A History of anthropology and anthropological theory*. 6th edition. Toronto: University of Toronto Press, Higher Education Division.
- Ignatow, G. 2020. *Sociological theory in the digital age*. Oxon: Routledge
- Jones, P. 2003. *Introducing social theory*. Cambridge UK: Polity Press.
- Kaplan, D. 2017. *Anthropological theory*. London: Routledge.
- Moberg, M. 2019. *Engaging anthropological theory: a social and political history*. 2nd edition. Abingdon, Oxon: Routledge.

SKAA3143 Kuasa dan Governans

Kursus ini meneliti tiga aspek utama dalam pembentukan kuasa, iaitu kuasa sosial, kuasa politik dan kuasa ekonomi. Ketiga-tiga aspek tersebut boleh dipisahkan tetapi sentiasa saling mempengaruhi. Penjelmaan setiap kuasa adalah dalam bentuk formal dan tak formal, yang memberi nafas kepada proses governans atau pemerintahan. Kuasa dan governans yang berbentuk formal adalah seperti birokrasi, parti politik, badan bukan kerajaan, sementara yang berbentuk tidak formal adalah seperti aktiviti gotong-royong, atau personaliti berkarisma dan klan. Perhatian khusus diberi kepada kes atau pengalaman yang terdapat di Asia Tenggara.

This course focuses on the formation of three aspects of power that is social, political and economic power. These three types of power can be separated but are usually very much intertwined. Their existence in the formal and informal forms gives rise to the process of governance or administration. Examples of formal forms of power and governance are bureaucracy, political party and non-government organization. Informal forms of power and governance are seen through voluntary activities, charismatic personality and clan. This course gives particular attention to Southeast Asian cases or experiences.

Bacaan Asas

- Beckfield, Jason. 2018. *Political sociology and the people's health*. Oxford: Oxford University Press.
- Demertzis, Nicolas. 2020. *The Political sociology of emotions: essays on trauma and resentment*. New York: Routledge.
- D.R. SarDesai. 2018. *Southeast Asia: past and present*. 2nd edition. New York: Routledge.
- Janoski, Thomas., Leon, Cedric de., Misra, Joya., & Martin, Isaac William (ed). 2020. *The New handbook of political sociology*. Cambridge : Cambridge University Press.
- Wydra, Harald & Thomassen, Bjørn (ed.). 2018. *Handbook of political anthropology*. Cambridge: Elgar.

SKAA3153 Sosiologi Desa

Masyarakat desa-tani sedang berhadapan dengan dilema akibat pengaruh dan dominasi kuasa-kuasa luar, terutama ideologi pembangunan negara dan/atau ragam pengeluaran kapitalis. Kursus ini menerangkan ciri-ciri ekonomi, politik, kebudayaan dan sosial yang membezakan desa dengan bandar. Isu dan masalah semasa yang dihadapi oleh golongan desa-tani di Malaysia khususnya dan di negara-negara membangun umumnya turut disentuh. Antara isu yang dibincangkan adalah kemiskinan, perubahan gaya hidup, isu identiti dalam kalangan penduduk desa, dan masalah tenaga kerja. Selain itu disentuh juga tentang masalah penghijrahan, pengambilalihan tanah; masalah pembangunan komuniti desa; kewujudan kampung dalam bandar dan bandar dalam desa; dan kesan-kesan lain terhadap penduduk desa akibat proses globalisasi.

Rural-peasant societies are faced with a dilemma due to the influence and domination of the external forces especially the development ideology of the state and the mode of capitalist production. This course is about economic, political and socio-cultural characteristics that differentiate the rural from the urban. Contemporary issues and problems faced by the Malaysian rural-peasant population in particular and in other countries in general would also be dealt with. Issues to be discussed include poverty, changing lifestyle and labour related problems. Other problems that will be discussed are related to migration, land alienation, community development and other pertinent impact of development processes and globalization on the rural population.

Bacaan Asas

Lefebvre, H., Bononno, R., Dennis, M., & Dodsworth, S. R. H. 2022. *On the rural: economy, sociology, geography* (S. Elden & A. D. Morton, Eds.). University of Minnesota Press.

Hillyard, S. 2007. *Sociology of rural life*. In library.open.org. Berg Publishers.

Abdul Rahman Embong (pnyt.). 2000. *Negara, pasaran dan pemodenan Malaysia*. Bangi: Penerbit Universiti Kebangsaan Malaysia.

Ali M. A. Rachman. 2000. *Masyarakat kecil dalam era global*. Bangi: Penerbit Universiti Kebangsaan Malaysia.

Balisacan, A. M. & Fuwa, N. (pnyt.). 2007. *Reasserting the rural development agenda*. Singapore: ISEAS.

SKAA3173 Dasar dan Perancangan Sosial

Dasar dan perancangan sosial amat penting dalam proses pembangunan negara. Ia dianggap pelengkap kepada perancangan ekonomi dan menekankan aspek kesejahteraan, kesaksamaan dan keadilan kumpulan sasaran. Kursus ini membincangkan dasar pemerintah dan perancangan sosial yang merujuk khusus kepada soal kualiti hidup dari segi keperluan asas seperti perumahan, kesihatan, pendidikan dan keperluan golongan istimewa seperti warga tua dan kurang upaya. Penilaian dan pengukuran kesejahteraan sosial akan dibincangkan dengan menggunakan pelbagai petunjuk sosial dan sosioekonomi seperti indeks kos hidup.

Social policy and social planning are important elements to be considered in the development process of a country. They are complementary to economic planning and emphasize aspects of well-being, equality and justice for target groups. The course discusses the government's policies and social planning that refer specifically to the question of quality of life pertaining to basic social needs such as housing, health, education and needs of specific groups of people like senior citizens and underprivileged groups. The measurement and evaluation of the social well-being of the target groups will be discussed using various socioeconomic indicators, for example, the cost of living index.

Bacaan Asas

- Chappin, R. K. & Lewis, M. 2020. *Social policy for effective practice a strengths approach*. Taylor & Francis Ltd.
- Gans H. J. 2017. *Sociology and social policy essays on community economy and society*. Columbia University Press.
- Reid, D. G. 2019. *Social policy and planning for the 21st century: in search of the next great social transformation* (Routledge advance in sociology). 1st Edition. Routledge.
- Sity Daud. 2020. *Dasar Pembangunan dan Populisme di Malaysia*. Bangi: Penerbit UKM.
- Siti Hajar Abu Bakar Ahh. 2007. *Strategi kebijakan dan dasar sosial di Malaysia*. Kuala Lumpur: UM Press.

SKAA3193 Etnografi Asia Tenggara

Rantau Asia Tenggara amat kaya dengan data etnografi yang membayangkan kerencaman dan keunikan kehidupan masyarakat. Kursus ini memberi tumpuan kepada latar belakang sejarah dan meneliti pendapat yang dikemukakan oleh pengkaji-pengkaji tentang rantau ini. Kursus ini juga akan melihat persamaan dan perbezaan aspek-aspek sosiobudaya di rantau ini; mengkaji setakat mana kawasan ini boleh didekati sebagai satu 'kawasan budaya' atau 'kontinum budaya' dan meneliti beberapa teori sosio-budaya mengenai Asia Tenggara. Turut dibicarakan adalah perkembangan masyarakat Asia Tenggara dari pluraliti ke *plural society*, pengaruh globalisasi terhadap rantau tersebut termasuk membincangkan sama ada nilai-nilai Asia (Asian values) bertanggungjawab terhadap kemajuan beberapa buah negara di rantau tersebut.

The Southeast Asian region is rich in ethnographic data that reflect the heterogeneity and uniqueness of the life of its people. The course focuses on the historical background of the area and examines views of researchers and scholars on the region. It discusses similarities and differences of the socio-cultural aspects; examines the extent to which the Southeast Asian Region can be approached as a 'cultural area' or 'cultural continuum'; and various sociocultural theories on Southeast Asia. The students will also learn the development of the Southeast Asian region from pluralities to plural society, and the influence of globalization on the region. Discussion on whether Asian values are responsible for the progress of some countries within the region are also included.

Bacaan Asas

- King, V.T. & Wilder, W.D. 2003. *The Modern anthropology of Southeast Asia: An Introduction*. London: Routledge.
- Rosaldo, R. (pnyt.). 2003. *Cultural citizenship in Island Southeast Asia: nation and belonging in the Hinterlands*. Berkeley CA: University of California Press.

- Sponsel, L.R. (pnyt.). 2000. *Endangered peoples of Southeast and East Asia: struggles to survive and thrive*. Westport, Connecticut: Greenwood Press.
- Tannenbaum, N. & Kammerer, C.A. (pnyt.). 2003. *Founders' cults in Southeast Asia: ancestors, polity and identity*. New Haven: Monograph 52, Yale University Southeast Asia Program.
- Walker, A.R. (pnyt.). 2004. *Leadership, justice and politics at the grassroots*. Brunei: Contributions to Southeast Asian Ethnography no. 12, July.

SKAA3206 Latihan Ilmiah

Penulisan latihan ilmiah merupakan satu laporan akademik hasil penyelidikan yang dijalankan sendiri oleh setiap pelajar. Penyelidikan dan penulisan ilmiah ini diselia oleh seorang tenaga akademik yang dilantik oleh Program. Menerusi projek latihan ilmiah ini, para pelajar dilatih menjalankan penyelidikan, memproses dan menganalisis data, mempersembahkan hasil kajian dalam bentuk tulisan akademik dan membincangkan hasil penyelidikan dan penulisannya dalam satu peperiksaan lisan yang dihadiri oleh tiga orang pemeriksa, termasuk penyelia yang mempengerusikan peperiksaan tersebut. Pelajar dikehendaki menulis tidak lebih dari 10,000 patah perkataan (kira-kira 100 halaman, termasuk rajah, jadual, lampiran dan lain-lain) mengikut Gaya UKM. Penulisan dinilai berdasarkan keupayaan pelajar menjelaskan isu yang dikaji, kerangka teoretis, metodologi, keaslian data dan kesimpulan kajian menurut tradisi ilmiah dalam disiplin antropologi dan sosiologi.

The final year research project takes the form of a written academic report submitted by students at the end of their undergraduate term. The research and writing of the report is supervised by academic staff members. This research project enables students to carry out research, analyse data and present the research findings in a written form which will then be assessed during an oral examination. The length of the research report should not exceed 10,000 words. Students will be evaluated based on the ability to explain the research problem, theoretical framework and methodology, originality of research work and conclusions derived from the study.

Bacaan Asas

- Neuman, W. Lawrence. 2006. *Social research methods: qualitative and quantitative approaches*. 6th edition. Boston: Allyn and Bacon.
- Rahimah Abdul Aziz, Chan Kim Ling @ Geraldine & Nur Hafizah Yusoff. 2020. *Modul penyediaan latihan ilmiah & tesis sarjana Program Antropologi dan Sosiologi*. Pusat Pengajian Sosial, Pembangunan & Persekitaran, Fakulti Sains Sosial dan Kemanusiaan, Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Swales, J.M. & Feak, C.B. 2012. *Academic writing for graduates students: essential tasks and skills*. 3rd edition. Michigan: University of Michigan Press.

Universiti Kebangsaan Malaysia. 2015. *Panduan penulisan tesis gaya UKM cetakan ketiga*. Bangi: Pusat Siswazah UKM.

Wertz, F.J, Charmaz, K., McMullen, L.M, Josselson, R., Anderson, R. & McSpadden, E. 2011. *Five ways of doing qualitative analysis: phenomenological psychology, grounded theory, discourse analysis, narrative research, and intuitive inquiry*. New York: The Guilford Press.

SKAA3213 Urbanisasi dan Urbanisme

Bandar sebagai pusat pemodenan perlu difahami perkembangannya dengan lebih mendalam memandangkan bertambah kompleks sifat dan kehidupan bandar. Sehubungan itu, kursus ini bertujuan membincangkan fenomena urbanisasi dan urbanisme. Kursus ini bermula dengan menghuraikan konsep, teori dan isu berkaitan pertumbuhan dan perkembangan bandar di peringkat lokal dan global. Beberapa implikasi sosial tentang urbanisasi dan urbanisme diulas dengan menggunakan pendekatan pensejarahan dan perbandingan dengan berasaskan pengalaman empirikal di Malaysia dan negara lain di dunia.

The development of a city as a center of modernity needs to be understood in a comprehensive manner due to the complex nature of the urban area and urban life. In relation to this, the objective of the course is to discuss the phenomenon of urbanisation and urbanism. It begins with an explanation of pertinent concepts, theories and issues related to the growth and development of urban areas at the local and global levels. Various social implications of urbanisation and urbanism are discussed using historical and comparative approaches based on experiences in Malaysia and other countries.

Bacaan Asas

Abrahamson, M. 2017. *Studies cities and city life*. London: Routledge.

Abrahamson, M. 2015. *Urban sociology: a global introduction*. USA: Cambridge University Press.

Bettencourt, L. M. A. 2021. *Introduction to urban science: evidence and theory of cities as complex system*. The MIT Press.

Gottdiener, M. 2019. *New Urban Sociology. The Wiley Blackwell encyclopedia of urban and regional studies*. Wiley Online Library: John Wiley & Son Inc.

Park, R. E., Burgess, E.W. & Sampson, R. J. 2019. *The city (heritage of sociology series)*. 1st edition. The University of Chicago Press.

SKAA3223 Organisasi Kompleks

Organisasi kompleks banyak mempengaruhi dan mencorakkan kehidupan sosial. Tujuan kursus ini adalah, antara lain, untuk menghuraikan hubungan saling bergantung dan saling mempengaruhi antara organisasi kompleks dan masyarakat. Kursus ini

membincangkan pelbagai jenis organisasi kompleks dalam sektor awam dan swasta dari segi struktur dan organisasi, fungsi dan matlamat, persekitaran organisasi, pemusatan kuasa, kewibawaan, gaya kepimpinan, budaya organisasi, tingkah-laku organisasi dan keberkesanan organisasi. Beberapa teori klasik dan moden berkenaan dengan organisasi digunakan untuk meneliti kelakuan dan kedinamikan organisasi kompleks. Implikasi perubahan sosial ke atas organisasi dibincangkan dalam konteks proses globalisasi, modenisasi dan kepesatan pengaruh teknologi maklumat dan komunikasi serta e-dagang.

Complex organisations have great influence upon social living and society. This course aims to explain the interdependent relationship between organisations and society and the mutual influence that exists between them. This course discusses features of public and private organisations such as organisational structure, function, organisational goals, organisational environment, centralization of power, leadership and leadership styles and corporate culture, organizational behaviour and organisational effectiveness. Classical and modern theories related to organisational study are discussed to understand organisational behaviour and dynamics. Implications of social change upon organisations within the contexts of globalization, modernisation, advancement of information communication technology and e-commerce are dealt with.

Bacaan Asas

- Daft, R.L., Murphy, J. & Willmott, H. Ed. Ke-4. 2017. *Organization theory and design: an international perspective*. United Kingdom: Cengage Learning, EMEA.
- Gibson, James L., Ivancevich, John M., Donnelly Jr., James H. & Konopaske, Robert. 2009. *Organizations: behavior, structure and processes*. 13th edition. New York: McGraw-Hill International Edition.
- Johns, G. & Saks, A.M. 2019. *Organizational behaviour: understanding and managing life at work*. Canada: Pearson Canada.
- Northhouse, P.G. 2019. *Leadership: theory & practice*. 8th edition. Thousand Oaks, US: SAGE Publication.
- Senior, B., Swailes, S. & Carnall, C. 2020. *Organizational change*. 6th edition. UK: Pearson.

SKAA3243 Budaya dan Konsumerisme

Sama ada secara disadari atau tidak, perbincangan tentang pola kehidupan seharian masyarakat adalah berkait rapat dan didominasi oleh aktiviti konsumsi. Justeru objektif kursus adalah untuk menghurai asal mula fenomena konsumerisme, sifat dan kesannya terhadap masyarakat umum hari ini. Dalam bahagian awal kursus, sejarah fenomena globalisasi dan hubungannya dengan perkembangan kapitalisme sedunia dibicarakan dan diikuti dengan perbincangan mengenai beberapa konsep asas yang mendukung konsep konsumerisme. Bahagian akhir kursus menyentuh beberapa kajian kes berkait dengan pembentukan budaya konsumerisme dalam konteks semasa.

The discussion on the daily patterns of life of people in a society is closely related to and is dominated by their consumption activities. This course examines the origin of consumerism, its characteristics and impact on the society at large today. The first part of the course discusses the history of globalization and its relation to the development of capitalism, followed by an understanding of some basic concepts related to the concept of consumerism. The final part of the course looks into some case studies on the formation of the culture of consumerism in the present context.

Bacaan Asas

- Baudrillard, J. 2017. *The Consumer society: myths and structures*. London: Sage Publications Ltd.
- Krasteva-Blagoeva, Evgenia (pytg.). 2018. *Approaching consumer culture: global flows and local contexts*. Switzerland: Springer International Publishing.
- Minowa, Y. & Belk, R. W (pytg.). 2020. *Gifts, Romance, and consumer culture*. New York: Routledge.
- Tissier-Desbordes, E. & Visconti, L. M. (ed). 2020. *Gender after gender in consumer culture*. New York: Routledge.
- Trentmann, F. 2017. *Empire of Things: How we became a world of consumers, from the fifteenth century to the twenty-first*. London: Penguin Books Ltd.

SKAA3253 Industri dan Sumber Manusia

Kursus ini bertujuan mengkaji dari sudut sosiologi beberapa konsep, teori dan pengalaman mengenai perindustrian, pekerjaan dan pengurusan sumber manusia. Dengan mengambil kira pengalaman negara maju, tetapi menumpukan kepada pengalaman negara-negara membangun termasuk Malaysia, kursus ini dibahagikan kepada tiga komponen. Pertama, membincang pelbagai faktor dan masalah yang terdapat dalam proses perindustrian. Kedua, membincang perkembangan bidang pekerjaan, mobiliti kerja dan budaya kerja, serta perkembangan teknologi baru dan kesannya ke atas kerja. Ketiga, membincang sistem dan pengalaman pengurusan sumber manusia dalam masyarakat industri dan sedang mengindustri.

This course focuses on sociological concepts, theories and experiences regarding industrialisation, work and human resource management. Drawing from experiences of the developed countries, but focusing on the experiences of the developing countries, especially Malaysia, the course is divided into three components. First component discusses the various factors and problems relating to processes of industrialization. The second component is about the development of work, labour mobility and work culture, as well as technological advancement and its effects on work. The final component deals with the system and management of human resource in industrial as well as industrializing societies.

Bacaan Asas

- Dessler, G. 2020. *Human resource management*. 16th edition. New Jersey: Pearson.
- Edgell, S. & Granter, E. 2020. *The Sociology of work: continuity and change in paid and unpaid work*. Los Angeles: SAGE.
- Parker, S.R., Brown, R.K., Child, J. & Smith, M.A. 1988. *The Sociology of industry (studies in sociology)*. London: Unwin Hyman.
- Potgieter, I.L. & Ferreira, N. 2022. *Managing human resources: the new normal*. Switzerland: Springer.
- Watson, T. 2011. *Sociology, work and industry*. 5th edition. London: Routledge.

SKAA3263 Kriminologi

Jenayah merupakan masalah sosial yang perlu difahami dan ditangani secara serius. Kursus ini meneliti tingkah laku jenayah sebagai hasil struktur sosial dan pelbagai proses sosial serta pola interaksi yang terdapat dalam sesebuah masyarakat. Bahagian pertama kursus menumpukan perhatian kepada sejarah perkembangan kriminologi sebagai satu bidang kajian yang memanfaatkan perkembangan disiplin psikiatri, psikologi, undang-undang dan sosiologi. Bahagian kedua membincangkan bentuk dan pola tingkah laku jenayah serta pelbagai huraian sosiologikal mengenainya. Fungsi agen kawalan sosial rasmi dan tidak rasmi juga dibincangkan. Perhatian diberikan juga kepada falsafah yang mendasari pendekatan tertentu kawalan sosial terhadap jenayah dan implikasi perubahan sosial terhadap jenayah dan penjenayahan dalam masyarakat.

Crime is a social problem that needs to be understood and requires serious attention. The course discusses criminal behaviour as a product of the social structure and various social processes and pattern of interactions existing within a society. The first part of the course focuses on the development of criminology as a discipline that has its beginnings within psychiatry, psychology and law. The second part discusses the form and pattern of criminal behaviour and various sociological explanations given to such behaviour. The course analyses and evaluates the functions of the formal and informal social control undertaken to solve crime problems. Attention is given to the philosophy underlying the social control approaches, and also the implications of social transformation on crime and criminality in the society.

Bacaan Asas

- Bachman, R.D & Schutt R.K. 2020. *Fundamentals of research in criminology and criminal justice*. 5th edition. Thousand Oaks, California: Sage Publication.
- DeKeseredy, W. S. 2020. *Woman abuse in rural areas*. Abingdon, Oxfordshire, England, United Kingdom: Routledge Taylor & Francis Group Publisher.
- Noble, J. C. 2021. *White-Collar and financial crimes a casebook of fraudsters, scam artists, and corporate thieves*. Berkeley, California, United States: University of California Press.

- Quraishi, M. 2020. *Towards a Malaysian criminology: conflict, censure and compromise*. United Kingdom: Palgrave MacMillan.
- Ruggiero, V. 2021. *Critical criminology today counter-hegemonic essays*. Abingdon Oxfordshire, England, United Kindom: Routledge Taylor & Francis Group Publisher.

SKAA3273 Etnografi Malaysia

Kursus ini memberi tumpuan terhadap dua aspek penting dalam antropologi iaitu, etnografi sebagai metodologi dan masyarakat Malaysia sebagai sasaran penelitian. Sehubungan itu, bahagian pertama membincang dan mendebatkan penggunaan konsep 'etnografi' sebagai suatu pendekatan memperoleh maklumat tentang alam sosial manusia. Alam sosial yang menjadi pilihan ialah Orang Asli dan Pribumi Malaysia yang dikaji menggunakan pendekatan etnografi dan yang menjadi fokus bahagian kedua kursus ini. Teras perbincangan tentang kelompok ini meliputi perihal kekeluargaan, ekonomi, politik, agama dan tradisi lisan.

There are two main areas covered in this course, i.e. ethnography as a methodology and Malaysian society as the basis of ethnographic research. The course will, firstly examine the debates on 'ethnography' as an approach to researching human social life and experiences. Secondly, it touches on the social realm of the Orang Asli and the Pribumi of Malaysia. The ethnographic data covers aspects on family and kinship, economy, politics, belief system and oral tradition of the societies.

Bacaan Asas

- Hammersley, M. & Atkinson, P. 2019. *Ethnography: principles and practice*. 4th edition. Abingdon, Oxon: Routledge. (Ebook)
- Wolcott, H. 2008. *Ethnography: a way of seeing*. Lanham MD: AltaMira Press.
- Pink, S., Horst, H., Postil, J., Hjorth, L., Lewis, T. & Tacchi, J. 2016. *Digital ethnography: principles and practice*. Sage Publications Ltd.
- Pink, S. 2007. *Doing visual ethnography: images, media and representation in research*. 2nd edition. London: Sage Publications.
- Cecilia Vindrola-Padros. 2020. *Rapid ethnographies: a practical guide*. Cambridge University Press

PROGRAM GEOGRAFI

STRUKTUR KURIKULUM PENGAJIAN SARJANAMUDA PROGRAM GEOGRAFI							
TAHUN 1							
Kursus	Semester 1	Jum. Unit	Semester 2	Jum. Unit	Semester 3	Jum. Unit	Jumlah
Wajib Universiti			LMCW1022 Asas Keusahawanan dan Inovasi	2			2
Citra Universiti	MUET 2 sahaja LMCE1042 Breakthrough English (Citra 1) **Citra 2 - Citra 6 (2 kursus)	2 4	Citra 1 - Citra 6 (2 kursus)	4			10
	MUET 3, 4, 5 & 6 sahaja **Citra 1 - Citra 6 (3 kursus)	6					
Wajib Fakulti (WF)			MUET 2 sahaja LMCE1052 Bridging English	2			2
			MUET 3 sahaja LMCE1062 Academic Interaction				
			MUET 4 sahaja LMCE1072 Academic Literacy				
			MUET 5 & 6 sahaja LMCE1082 Page to Stage				
Wajib Pusat (WP)	SKAP1013 Alam, Manusia dan Budaya	3					3
Wajib Program (WM)	SKAG1013 Dinamika Persekitaran Global	3	SKAG1043 Biogeografi	3			12
	SKAG1023 Rantau Asia Pasifik	3	SKAG1233 Manusia dan Cabaran Global	3			
Pilihan Bebas (PB)	*SKVAXXX3 Bahasa Asing Asas 1	3	SKKPD1013 Pengantar Sains Sosial (Terarah)	3			9
			*SKVAXXX3 Bahasa Asing 2	3			
Jumlah unit		18		20			38

Catatan :

* Bahasa Asing yang ditawarkan : Bahasa Cina, Bahasa Arab, Bahasa Thai, Bahasa Jepun, Bahasa German, Bahasa Korea, Bahasa Perancis, Bahasa Sepanyol.

** Pelajar boleh mendaftar mana-mana kursus dari Citra 1 hingga Citra 6. Jumlah unit semester yang dipaparkan adalah unit yang perlu didaftarkan dalam semester tersebut dan bukannya unit bagi satu kursus, ianya boleh terdiri daripada satu atau beberapa kursus.

Penawaran kursus sebagaimana tertera dalam jadual di atas adalah tertakluk kepada pindaan.

STRUKTUR KURIKULUM PENGAJIAN SARJANAMUDA PROGRAM GEOGRAFI

TAHUN 2

Kursus	Semester 1	Jum. Unit	Semester 2	Jum. Unit	Semester 3	Jum. Unit	Jumlah
Wajib Universiti	LMCW2153 Penghayatan Etika dan Peradaban	3	LMCW2143 Falsafah dan Isu Semasa	3			8
			LMCW2022 Pengurusan dan Analitik Data	2			
Citra Universiti	**Citra 1 - Citra 6	2					2
Wajib Fakulti (WF)	SKAP2064 Kaedah Penyelidikan	4					4
Wajib Pusat (WP)							
Wajib Program (WM)	SKAG2033 Integrasi RS, GIS & GPS	3	SKAG2093 Kajian Atmosfera	3			21
	SKAG2133 Geomorfologi Tropika	3	SKAG2123 Pengantar Kajian Bandar	3			
	SKAG2263 Teknik Dalam Geografi	3	SKAG2163 Penilaian Impak Alam Sekitar	3			
			SKAG2053 Penduduk dan Perancangan Sumber Manusia	3			
Pilihan Bebas (PB)	*SKVAXXX3 Bahasa Asing 3	3	Pilih 1 sahaja SKAG2273 Geografi Politik SKAG2193 Geomorfologi Pinggir Pantai Mana-mana kursus Piliha Bebas (PB)	3			6
Jumlah unit		21		20			41

Catatan :

* Bahasa Asing yang ditawarkan : Bahasa Cina, Bahasa Arab, Bahasa Thai, Bahasa Jepun, Bahasa German, Bahasa Korea, Bahasa Perancis, Bahasa Sepanyol. Sekiranya pendaftaran telah penuh, pelajar boleh mengambil kursus Bahasa Asing 3 bila-bila masa pada Tahun 2 (Semester 2), Tahun 3 (Semester 1 & 2). Kekurangan kredit bagi Semester 1 boleh digantikan dengan kursus Citra 1 - Citra 6 yang perlu diambil pada Semester 2.

** Pelajar boleh mendaftar mana-mana kursus dari Citra 1 hingga Citra 6. Jumlah unit semester yang dipaparkan adalah unit yang perlu didaftarkan dalam semester tersebut dan bukannya unit bagi satu kursus, ianya boleh terdiri daripada satu atau beberapa kursus.

Penawaran kursus sebagaimana tertera dalam jadual di atas adalah tertakluk kepada pindaan.

STRUKTUR KURIKULUM PENGAJIAN SARJANAMUDA PROGRAM GEOGRAFI							
TAHUN 3							
Kursus	Semester 1	Jum. Unit	Semester 2	Jum. Unit	Semester 3	Jum. Unit	Jumlah
Wajib Universiti							
Citra Universiti							
Wajib Fakulti (WF)			SKPD3013 Workplace Competencies	3	SKAG3006 Latihan Industri	6	9
Wajib Pusat (WP)							
Wajib Program (WM)	SKAG3063 Hidrologi Lembangan	3	SKAG3303 Perancangan Bandar dan Wilayah	3			30
	SKAG3103 Geografi Ekonomi dan Dasar Awam	3	SKAG3073 Pembangunan Pertanian dan Industri Asas Tani	3			
	SKAG3113 Pembangunan dan Pengurusan Alam Sekitar	3	SKAG3316 Latihan Ilmiah	6			
	SKAG3293 Ekosistem Bandar	3	SKAG3253 Pengurusan Sisa Bersepadu	3			
	SKAG3173 Kajian Pelancongan	3					
Pilihan Bebas (PB)	Pilih 1 sahaja SKAG3143 Perubahan Iklim SKAG3283 Penilaian Risiko dan Pengurusan Bencana Alam Mana-mana kursus Pilihan Bebas (PB)	3					3
Jumlah unit		18		18		6	42

Penawaran kursus sebagaimana tertera dalam jadual di atas adalah tertakluk kepada pindaan.

Kursus Citra Universiti – Taraf kursus adalah C1 – C6 berjumlah 12 kredit. Pelajar perlu melengkapkan keperluan kredit minimum mengikut domain seperti berikut:

BIL	DOMAIN CITRA	JUMLAH KREDIT
1.	Domain 1 – Literasi Bahasa dan Komunikasi	2
2.	Domain 2 – Pemikiran Kritis dan Rekaipta	2
3.	Domain 3 – Literasi Sastera, Budaya dan Ketamadunan	2
4.	Domain 4 – Literasi Sains, Teknologi dan Kesihatan	2
5.	Domain 5 – Keusahawanan dan Tanggungjawab Sosial	2
6.	Domain 6 – Keterampilan Diri dan Pasukan	2

Kursus Program

SKAG1013 Dinamika Persekitaran Global

Kursus ini adalah kursus asas persekitaran fizikal global. Tujuan kursus ini adalah untuk memberi kefahaman kepada pelajar tentang proses fizikal dan interaksi proses fizikal dalam sfera bumi yang menyebabkan perubahan persekitaran global. Kedinamikan persekitaran global dijelaskan berdasarkan sfera atmosfera, hidrosfera, biosfera dan litosfera. Hasil utama pembelajaran kursus ini adalah pelajar dapat memahami interaksi proses fizikal yang berlaku dalam sfera bumi sehingga berlaku kedinamikan kepada persekitaran global.

This course is a fundamental course of global physical environment. The aim of this course is for students to understand the physical processes and interaction of physical processes in the earth spheres that cause the change of global environment. The dynamics of the global environment will be explained based on the spheres of atmosphere, hydrosphere, biosphere and lithosphere. The main learning outcome of this course is that students will be able to understand the interaction of physical processes in the earth spheres that causes the dynamics of the global environment.

Bacaan Asas

- Christopherson, R.W. & Birkeland, G.H. 2019. *Elemental geosystems*. 9th ed. New York: Pearson.
- Davie, T. & Quinn, N.W. 2019. *Fundamentals of hydrology*. 3rd ed. London: Routledge.
- Harvey, A. 2022. *Introducing geomorphology*. 2nd ed. Edinburgh: Dunedin.
- Lutgens, F.K., Tarbuck, E.J. & Herman, R.L. 2019. *The atmosphere: An introduction to meteorology*. 14th ed. New York: Pearson.
- Weil, R.R. & Brady, N.C. 2019. *Properties of soils*. 4th ed. New York: Pearson.

SKAG1023 Rantau Asia Pasifik

Kursus ini adalah mengenai geografi wilayah Asia Pasifik. Tujuan kursus ini adalah untuk membincangkan kebangkitan rantau Asia Pasifik dalam konteks potensinya sebagai penyumbang utama kepada prospek kemunculan Abad Pasifik. Pelajar mempelajari mekanisme kebangkitan rantau Asia Pasifik, daya saing, pelbagai cabaran semasa serta pelbagai isu alam sekitar yang berlaku dalam rantau Asia Pasifik. Hasil utama pembelajaran kursus ini adalah pelajar dapat memahami situasi semasa, cabaran dan prospek pembangunan dalam kalangan negara rantau Asia Pasifik.

This course is about regional geography of Asia Pacific. The aim of this course is to discuss the rise of the Asia Pacific region within the context of its potential as the main contributor to the prospects of a Pacific Century. Students will learn the rise of Asia Pacific region mechanism, competitiveness, various current challenges and environmental issues that occurred within the Asia Pacific region. The main learning outcome of this course is for students to understand current situation, challenges and development prospect within the Asia Pacific region countries.

Bacaan Asas

- Bhatta, G., & Gonzalez, J. L. (Eds.) 2019. *Governance innovations in the Asia-Pacific region: Trends, cases, and issues*. Routledge: New York.
- David, S., & Laura, B. 2020. *Urbanisation at risk in the Pacific and Asia disasters, climate change and resilience in the built environment*. Routledge: New York.
- Hardt, J. P., & Kim, Y. C. (Eds.). 2020. *Economic cooperation in the Asia-Pacific region*. Routledge: New York.
- Ian, G. C., Marcus, A.D., Rex, Y. F. L., & Yongjiang, W. 2020. *Dynamic Asia: Business, trade and economic development in Pacific Asia*. Routledge: New York.
- James, H. 2019. *Population, development, and the environment: Challenges to achieving the sustainable development goals in the Asia Pacific*. Palgrave Macmillan. New York.

SKAG1043 Biogeografi

Kursus ini adalah mengenai ekosistem tumbuhan. Tujuan kursus ini adalah untuk memberi kefahaman kepada pelajar berkaitan antara tumbuhan dan tanah. Pelajar mempelajari latar bidang biogeografi, sistem taksonomi tumbuhan dan tanah, dan peranan faktor edafik dalam sesaran dan sebaran tumbuhan. Hasil utama pembelajaran kursus ini adalah pelajar dapat memahami kepelbagaian ekosistem tumbuhan.

This course is about the ecosystem of plants. The aim of this course is for students to understand the relationship between plants and soils. Students will learn the background of biogeography, taxonomy system of plants and soils, and the role of edaphic factors in succession and distribution of plants. The main learning outcome of this course is for students to understand the diversity of plants ecosystems.

Bacaan Asas

- Antwis, R.E., Harrison, X.A. & Cox, M.J. (Eds.). 2020. *Microbiomes of soils, plants and animals: An integrated approach*. Cambridge: Cambridge University Press.
- Cox, C. B., Ladle, R.J. & Moore, P.D. 2020. *Biogeography: An ecological and evolutionary approach*. 10th ed. New Jersey: Wiley.
- Guilbert, E. 2021. *Biogeography: An integrative approach of the evolution of living*. New Jersey: Wiley.

- Singh, G. 2019. *Plant systematics: An integrated approach*. 4th ed. Boca Ratan: CRC Press.
- Tivy, J. 2018. *Biogeography: A study of plants in the ecosphere*. 3rd ed. London: Routledge.

SKAG1233 Manusia dan Cabaran Global

Kursus ini adalah kursus asas geografi manusia. Tujuan kursus ini adalah untuk menjelaskan kaitan antara kegiatan manusia (sosiobudaya dan ekonomi) dan perubahan ruang yang berlaku kesan daripada pelbagai agenda pembangunan yang berlaku pada peringkat global. Pelajar diperkenalkan tentang konsep ruang dan masa, dan bagaimana perubahan global memberi impak kepada kehidupan manusia. Hasil utama pembelajaran kursus ini adalah pelajar dapat memahami impak globalisasi kepada kegiatan manusia dan proses penyesuaian manusia terhadap cabaran globalisasi.

This course is a fundamental course of human geography. The aim of this course is to explain the relationship between human activities (sociocultural and economic) and spatial changes that occurred due to the various development agenda at the global level. Students will be introduced to the concepts of space and time, and how global change affects the human life. The main learning outcome of this course is for students to understand the globalization impact to human activities and the process of human adaptation to the challenge of globalization.

Bacaan Asas

- Christoff, P. & Eckersley, R. 2013. *Globalization and the environment*. Lanham: Rowman & Littlefield Publishers.
- Fouberg, E. H., Murphy, A. B. & de Blij, H. J. 2015. *Human geography: People, place and culture*. 11th ed. New Jersey: Wiley.
- Guillen, M. F. & Ontiveros, E. 2016. *Global turning points: The challenges for business and society in the 21st century*. 2nd ed. Cambridge: Cambridge University Press.
- Knox, P. L. & Marston, S. A. 2015. *Human geography: Places and regions in global context*. 7th ed. Essex: Pearson Education.
- Rowntree, L., Lewis, M., Price, M. & Wyckoff, W. 2015. *Diversity amid globalization: World regions, environment, development*. 6th ed. Boston: Pearson Education.

Bacaan Tambahan

Bahan bacaan terkini dilampirkan di dalam Proforma Kursus.

SKAG2033 Integrasi RS, GIS dan GPS

Kursus ini adalah mengenai teknik dan aplikasi geospasial. Tujuan utama kursus ini adalah untuk mendedahkan pelajar kepada penggunaan teknik geospasial sebagai alat bantu dalam menyelesaikan pelbagai masalah persekitaran. Pelajar akan dilatih menggunakan

teknik penderiaan jauh (RS), sistem maklumat geografi (GIS) dan sistem kedudukan global (GPS) sebagai alat pengurusan data dan aplikasi dalam penyelidikan. Hasil utama pembelajaran kursus ini adalah pelajar beroleh kemahiran teknologi maklumat daripada segi pengurusan data ruang serta aplikasi teknologi geospasial dalam menyelesaikan pelbagai masalah alam sekitar.

This course is about the technique and application of geospatial. The main objective of this course is to expose students to the use of geospatial techniques as a tool in solving various environmental problems. Students will be trained to use the technique of remote sensing (RS), geographical information systems (GIS) and global positioning system (GPS) as a tool in data management and application in research. The main learning outcome of this course is for students to gain information technology skills in terms of managing spatial data and application of geospatial technology in solving various environmental problems.

Bacaan Asas

- Brewer, C. A. 2015. *Designing better maps: A guide for GIS users*. 2nd ed. Redland: Esri Press.
- Green, K., Congalton, R.G. & Tukman, M. 2017. *Imagery and GIS: Best practices for extracting information from imagery*. Redlands: Esri Press.
- Longley, P. A., Goodchild, M. F., Maguire, D. J., Rhind, D.W. 2015. *Geographic information science and systems*. 4th ed. Danvers: Wiley.
- Misra, P. 2016. *GPS for everyone: You are here*. Massachusetts: Ganga-Jamuna Press.
- Shellito, B.A. 2015. *Discovering GIS and ArcGIS*. New York: W.H. Freeman.

Bacaan Tambahan

Bahan bacaan terkini dilampirkan di dalam Proforma Kursus.

SKAG2053 Penduduk dan Perancangan Sumber Manusia

Kursus ini adalah mengenai kependudukan dan aspek gunaan kependudukan. Tujuan utama kursus ini adalah memperkenalkan pelajar mengenai asas kependudukan dan analisis kajian kependudukan seperti aspek statik dan dinamik kependudukan. Pelajar juga mempelajari aspek gunaan kependudukan dalam konteks perancangan sosial dan sumber manusia. Hasil utama pembelajaran kursus ini adalah pelajar mahir menggunakan data kependudukan dalam merancang pembangunan modal insan.

This course is about demography and applied aspects of population. The main objective of this course is to introduce students to the basic population and demographic analysis such as static and dynamic aspects of demography. Students will also learn the applied aspects of population in the context of social and human resource planning. The main learning outcome of this course is that students are proficient at using demography data in planning the development of human capital.

Bacaan Asas

- Chesterton, L. 2019. *Demography: Population study and analysis*. New Jersey: Willford Press.
- Falkingham, J., Evandrou, M. & Vlavhantoi, A. 2020. *Handbook on demographic change and the lifecourse*. Cheltenham: Edward Elgar Publishing.
- Haas de, H., Castles, S. & Miller, M.J. 2020. *The age of migration: International population movements in the modern world*. 6th ed. New York: The Guilford Press.
- Lussier, R.N. & Hendon, J.R. 2020. *Human resource management: Functions, applications and skill development*. Los Angeles: SAGE.
- Newbold, K.B. 2021. *Population geography: Tools and issues*. 4th ed. Lanham: Rowman & Littlefield.
- RosnizaAznie Che Rose. 2021. *Fertiliti dan nilai keluarga dalam landskap kependudukan di Terengganu*. Bangi: Penerbit UKM.

SKAG2093 Kajian Atmosfera

Kursus ini adalah mengenai cuaca dan iklim. Tujuan utama kursus ini adalah untuk memberi pengetahuan dan kefahaman tentang teori, konsep dan proses dalam disiplin kaji iklim. Pelajar akan mempelajari pembentukan dan pergerakan angin, kelembapan dan kestabilan udara, serta pelbagai fenomena cuaca yang berkaitan dengan ruang atmosfera. Hasil utama pembelajaran kursus ini adalah pelajar memahami ciri utama cuaca dan iklim dunia serta prinsip dan analisis data cuaca.

This course is about weather and climate. The main objective of this course is to provide knowledge and understanding of theories, concepts and processes in the climatology discipline. Students will study the formation and movement of wind, humidity and air stability as well as various weather phenomena associated with atmospheric space. The main learning outcome of this course is that students will understand the main features of the world weather and climate, and the principles and analysis of weather data.

Bacaan Asas

- Chu, P.S. & Murakami, H. 2022. *Climate variability and tropical cyclone activity*. Cambridge: Cambridge University Press.
- Goddard, J. 2018. *An introduction to earth's atmosphere*. New York: Callisto Reference.
- Lutgens, F.K., Tarbuck, E.J. & Herman, R.L. 2019. *The atmosphere: An introduction to meteorology*. 14th ed. New York: Pearson.
- Shonk, J. 2020. *Introducing meteorology: A guide to weather*. 2nd ed. Edinburgh: Dunedin.
- Webster, P.J. 2020. *Dynamics of the tropical atmosphere and oceans*. New Jersey: Wiley Blackwell.

SKAG2123 Pengantar Kajian Bandar

Kursus ini adalah mengenai urbanisasi dan kajian pola keruangan bandar. Tujuan utama kursus ini adalah untuk memperkenalkan proses urbanisasi, model perbandaran dan aspek pengurusan bandar. Pelajar juga akan mempelajari tren urbanisasi di Malaysia dan peranan bandar sebagai pemangkin pembangunan. Hasil utama pembelajaran kursus ini adalah pelajar memahami model perbandaran dan tren perubahan ruang bandar terutama di Malaysia.

This course is about urbanization and the study of urban spatial patterns. The main objective of this course is to introduce the process of urbanization, urbanization model and the aspect of urban management. Students will also learn the trends in urbanization and the role of cities as a catalyst for development. The main learning outcome of this course is that students will understand the urbanization model and urban space trend especially in Malaysia.

Bacaan Asas

- Craft, D. 2018. *Urban studies: Growth and development*. New York: Clanrye International.
- Hamzah Jusoh. 2014. *Bandar raya global: Dinamika Kuala Lumpur*. Bangi: Penerbit UKM.
- Jonas, A. E. G., McCann, E. & Thomas, M. 2015. *Urban geography: A critical introduction*. West Sussex: Wiley Blackwell.
- Knox, P.L. & McCarthy, L. M. 2014. *Urbanization: An introduction to urban geography*. 3rd ed. Essex: Pearson Education Limited.
- Kamarudin Ngah & Jamaludin Mustaffa. 2015. *Perancangan bandar selamat di Malaysia: Konsep dan pelaksanaan*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.

Bacaan Tambahan

Bahan bacaan terkini dilampirkan di dalam Proforma Kursus.

SKAG2133 Geomorfologi Tropika

Kursus ini adalah mengenai proses geomorfologi yang berlaku di zon tropika. Tujuan utama kursus ini adalah untuk menjelaskan hubungan kait antara proses geomorfologi dan pandang darat fizikal yang wujud di zon tropika. Pelajar turut mempelajari konsep dan model yang berkait dengan proses geomorfologi, serta didedahkan dengan kaedah pengukuran di lapangan dan analisis data fizikal. Hasil utama pembelajaran kursus ini adalah pelajar akan memahami saling kaitan setiap proses geomorfologi di zon tropika dan beroleh kemahiran melakukan kerja lapangan geomorfologi.

This course is about the geomorphological processes that occur in the tropical zone. The main objective of this course is to explain the relationship between geomorphological processes and physical landforms that exist in the tropical zone. Students will also learn the concepts and models related to geomorphological processes, and will be exposed to the methods of field measurement and physical data analysis. The main learning outcome of this course is that students will understand the relationship of each geomorphological process in the tropical zone and have the skills to conduct geomorphology fieldwork.

Bacaan Asas

- Davies, T. & Rosser, N. 2022. *Landslide hazards, risks and disasters*. 2nd ed. Amsterdam: Elsevier.
- Leopold, L.B., Wolman, M.G. & Miller, J.P. 2020. *Fluvial processes in geomorphology*. 2nd ed. New York: Dover Publications.
- Powell, G. 2022. *The basics of geomorphology*. United States: Murphy & Moore Publishing.
- Rhoads, B.L. 2020. *River dynamics: Geomorphology to support management*. Cambridge: Cambridge University Press.
- Waele, J.D. & Gutierrez, F. 2022. *Karst hydrogeology, geomorphology and caves*. New Jersey: Wiley Blackwell.

SKAG2163 Penilaian Impak Alam Sekitar

Kursus ini adalah mengenai proses penilaian impak alam sekitar. Tujuan utama kursus ini adalah untuk memberi kefahaman kepada pelajar tentang proses dan prosedur penilaian impak alam sekitar yang diamalkan di Malaysia. Pelajar akan mempelajari prinsip dan proses penilaian impak pada setiap peringkat penilaian. Hasil utama pembelajaran kursus ini adalah pelajar akan memahami proses dan tatacara penilaian impak alam sekitar daripada peringkat awal sehingga peringkat pasca audit.

“Penangguhan Pengajian” ertinya tempoh sementara pelajar dibenarkan untuk tidak mengikut pengajian;

“Pendaftar” ertinya seorang pekerja Universiti dalam kumpulan pengurusan dan profesional dalam klasifikasi perkhidmatan pentadbiran dan sokongan yang ditempatkan di entiti pentadbiran dan perkhidmatan akademik Universiti bagi pelajar dan ditanggungjawab dengan tanggungjawab sebagai ketua di entiti itu;

“Pendaftaran Kursus” ertinya proses pelajar mendaftar kursus tertentu dalam sesuatu program dalam tempoh yang ditetapkan;

“Peperiksaan” ertinya apa-apa cara atau kaedah penilaian yang membolehkan markah atau gred diberikan bagi sesuatu kursus atau sebahagian daripada kursus tertentu;

“Pemindahan Kredit” ertinya kredit yang telah diberikan oleh satu-satu program ke dalam program yang lain, sama ada semua program itu di dalam UKM atau salah satu daripadanya adalah program di luar UKM;

“Pemindahan Kredit Secara Menegak” ertinya jumlah kredit yang dikecualikan bagi seseorang pelajar daripada mengambil semula kursus yang setara yang telah diambil daripada institusi pascapendidikan menengah yang telah mendapat kelulusan Fakulti;

“Pemindahan Kredit Secara Mendatar” ertinya pemindahan kredit dari satu program ke program yang lain pada tahap pengajian yang sama dan mendapat kelulusan Fakulti;

“Peperiksaan Ulangan Khas” ertinya peperiksaan yang dijalankan bagi sesuatu kursus boleh diberikan kepada pelajar yang memerlukan hanya satu sahaja untuk tujuan bergraduasi;

“Pindah Kredit Dengan Gred” ertinya pindah kredit secara mendatar bagi pelajar yang berada dalam sistem (pelajar masih dalam pengajian). Kredit dikira dalam kredit bergraduasi pelajar dan gred kursus diambil kira dalam pengiraan Purata Nilai Gred (PNG) dan Purata Nilai Gred Kumulatif (PNGK).

“Pindah Kredit Tanpa Gred” turut dipanggil pengecualian kredit, ertinya pindah kredit secara menegak atau mendatar bagi pelajar yang telah keluar daripada sistem (pelajar telah tamat pengajian) atau telah mencapai tahap kompetensi dalam kursus berkenaan. Kredit kursus yang dipindahkan diambil kira dalam kredit bergraduasi tetapi gred kursus tidak diambil kira dalam pengiraan PNG dan PNGK pelajar.

“PNG” (Purata Nilai Gred) ertinya purata mata nilai gred yang diperolehi dalam sesuatu semester;

“PNGK” (Purata Nilai Gred Kumulatif) ertinya purata himpunan mata nilai yang diperolehi bagi semua semester yang telah diikuti;

“program” ertinya struktur pengajian Ijazah Sarjana Muda dalam bidang tertentu;

“semester” ertinya tempoh tertentu di dalam sesuatu sesi yang telah ditetapkan oleh Senat;

“Senat” ertinya Senat Universiti Kebangsaan Malaysia;

“sesi” ertinya tahun akademik yang tarikhnya ditetapkan oleh Senat;

“tahun berjeda (*gap year*)” ertinya pelajar berehat dari mengikuti pengajian dalam tempoh masa sehingga maksimum dua semester (satu tahun) untuk melaksanakan aktiviti-aktiviti sukarelawan yang dirancang dengan agensi terpilih atau untuk tujuan-tujuan umum yang lain.

“tempoh maksimum pengajian” ertinya bilangan maksimum semester yang dibenarkan bagi menamatkan sesuatu kursus;

“Universiti” ertinya Universiti Kebangsaan Malaysia.

2. Syarat Penerimaan Masuk

2.1 Keperluan Pelajaran Asas

2.1.1 Sijil Pelajaran Asas

Calon mestilah lulus peperiksaan Sijil Pelajaran Malaysia (SPM) atau peperiksaan yang setaraf dengannya dengan mendapat kepujian dalam mata pelajaran Bahasa Malaysia/ Bahasa Melayu atau kepujian Bahasa Malaysia/Bahasa Melayu Kertas Julai dan lulus mata pelajaran Sejarah.

atau:

Bagi calon luar negara, calon hendaklah telah melengkapkan 12 tahun pembelajaran di peringkat sekolah rendah dan sekolah menengah atas;

dan:

2.1.2 Sijil Tinggi Persekolahan Malaysia (STPM)

2.1.2.1 Calon mestilah lulus peperiksaan Sijil Tinggi Persekolahan Malaysia (STPM) dengan mendapat sekurang-kurangnya PNGK 2.00 dan mendapat sekurang-kurangnya Gred C (NGMP 2.00) mata pelajaran Pengajian Am; dan Gred C (NGMP 2.00) dalam dua (2) mata pelajaran lain.

atau:

2.1.3 Sijil Matrikulasi/ Asasi

2.1.3.1 Calon mestilah lulus Matrikulasi/ Asasi dengan mendapat sekurang-kurangnya PNGK 2.00;

atau:

2.1.4 Sijil Tinggi Agama Malaysia (STAM)

2.1.4.1 Calon mestilah lulus Sijil Tinggi Agama Malaysia (STAM) dengan mendapat sekurang-kurangnya Pangkat Jayyid;

atau:

2.1.5 Diploma/Setaraf

2.1.5.1 Calon mestilah memiliki kelulusan Diploma atau kelulusan lain yang diiktiraf setaraf dengannya oleh Kerajaan Malaysia dan diluluskan oleh Senat Universiti. Calon lepasan diploma TVET perlu memiliki kelulusan Diploma Kemahiran Malaysia (DKM), Diploma Lanjutan Kemahiran Malaysia (DLKM) atau Diploma Vokasional Malaysia (DVM) yang diiktiraf setaraf dengannya oleh kerajaan Malaysia dan diluluskan oleh Senat Universiti (syarat khas program mengikut jenis program yang ditawarkan di Fakulti).

atau:

2.1.5.2 Lulus peperiksaan STPM tahun sebelumnya dengan mendapat sekurang-kurangnya Gred C (NGMP 2.00) dalam tiga (3) mata pelajaran termasuk Pengajian Am;

atau:

2.1.5.3 Lulus Sijil Matrikulasi tahun sebelumnya dengan mendapat sekurang-kurangnya PNGK 2.00;

atau:

2.1.5.4 Lulusan Pra-U Sekolah Sukan Malaysia/GCE A-Level/ International Baccalaureate Diploma/ Australian Matriculation (AUSMAT) serta kelayakan lain yang diiktiraf setaraf dengannya oleh Kerajaan Malaysia dan diluluskan oleh Senat.

atau:

2.1.5.5 Bagi calon luar negara, calon hendaklah memiliki Sijil Sekolah Menengah Atas (contohnya seperti Higher Secondary Certificate, Senior Secondary School Graduation Certificate, Tawjihyah, Ijazah Sekolah Menengah Atas, High School Diploma);

atau:

2.1.6 Kelayakan lain

2.1.6.1 Calon mestilah mempunyai kelayakan lain dan/atau pengalaman yang diiktiraf oleh Senat seperti yang tersenarai di dalam Buku Panduan Fakulti masing-masing.

dan:

2.1.7 Malaysian University English Test (MUET).

2.1.7.1 Calon –calon mestilah mendapat sekurang kurangnya Tahap 2 (Band 2) dalam Malaysian University English Test (MUET).

2.1.7.2 Bagi calon luar negara atau berkelayakan luar negara hendaklah memenuhi syarat minimum keperluan Bahasa Inggeris MUET Band 3 atau IELTS Band 5.5 atau TOEFL IBT Band 46 atau setara dengannya.

2.1.7.3 Calon boleh diberi pengecualian kompetensi Bahasa Inggeris seperti yang telah ditetapkan oleh program atau dalam standard program daripada Agensi Kelayakan Malaysia (MQA) sekiranya:

2.1.7.3.1 Calon tersebut adalah calon luar negara yang berasal daripada negara yang menggunakan Bahasa Inggeris sebagai bahasa rasmi atau:

2.1.7.3.2 Calon menggunakan kelayakan akademik dari institusi di luar negara yang menggunakan Bahasa Inggeris sebagai bahasa pengantar sepenuhnya.

2.2. Syarat-syarat Masuk Yang Lain

Calon-calon mestilah juga:

- 2.2.1 mengambil apa-apa ujian serta menghadiri temuduga seperti yang ditentukan oleh Senat untuk menilai kelayakan mereka mengikuti kursus di Universiti;
 - 2.2.2 menunjukkan lazimnya bahawa mereka berumur tujuh belas tahun atau lebih pada hari pertama tahun akademik yang mereka mohon masuk;
 - 2.2.3 menunjukkan bukti dalam borang yang disediakan oleh Universiti bahawa mereka adalah cukup sihat dan berupaya untuk mengikuti kursus pengajian di Univeristi; dan
 - 2.2.4 memenuhi apa-apa syarat lain yang ditetapkan oleh Senat dari semasa ke semasa.
- 2.3. Penerimaan masuk calon ke Fakulti bergantung kepada budi bicara Senat.
- 2.4. Penerimaan masuk ke mana-mana Fakulti tidak semestinya bermakna bahawa seseorang calon dibenarkan memilih sendiri bidang pengkhususan dalam program pengajian tertentu di Fakulti itu walaupun ia mempunyai syarat-syarat khas yang ditetapkan. Pengagihan pelajar- pelajar ke bidang-bidang pengkhususan adalah ditetapkan mengikut budi bicara Fakulti. Walau bagaimanapun keutamaan masuk ke jurusan-jurusan tertentu adalah bergantung kepada syarat-syarat Fakulti yang ditetapkan tertakluk kepada penyelarasan di peringkat Universiti.

3. Struktur Pengajian

3.1 Jumlah Kredit

Pelajar dikehendaki mengikuti sekurang-kurangnya seratus dua puluh (120) kredit kursus yang ditetapkan atau sejumlah unit lain yang ditetapkan oleh Senat.

3.2 Kursus

Pelajar dikehendaki mengikuti kursus-kursus yang ditetapkan seperti berikut:

3.2.1 Kursus Pendidikan Citra

3.2.1.1 Kursus Pendidikan Citra terbahagi kepada dua (2) komponen iaitu:

3.2.1.1.1 Kursus Wajib Universiti – 10 kredit.

3.2.1.1.2 Kursus Citra Universiti – 20 kredit (program Profesional dan/ atau program berasaskan Model 2u2i) dan 30 kredit (program Bukan Profesional);

3.2.1.2 Pelajar dikehendaki mengikuti sejumlah:

3.2.1.2.1 30 kredit kursus pendidikan Citra untuk tujuan pengijazahan bagi pelajar program profesional dan/ atau program berasaskan Model 2u2i.

3.2.1.2.2 40 kredit kursus pendidikan Citra untuk tujuan pengijazahan bagi pelajar program bukan professional.

3.2.2 Kursus Fakulti

Pelajar dikehendaki mengikuti kursus-kursus yang terdiri daripada kursus wajib dan kursus pilihan yang jumlah kreditnya ditetapkan oleh Fakulti.

3.3.2. Pelajar yang diluluskan pemindahan kredit, tempoh minimum yang dikenakan untuk menyelesaikan kursus pengajian bagi ijazah bergantung kepada bilangan kredit yang dikecualikan dan tertakluk kepada tempoh bermastautin minimum satu tahun atau dua (2) semester tidak termasuk semester ketiga. Peruntukan ini adalah juga tertakluk kepada pelajar memenuhi jumlah kredit keseluruhan program pengajiannya kecuali bagi program yang ditetapkan selainnya oleh badan profesional.

3.4. Pendaftaran Kursus

- 3.4.1 Pelajar dikehendaki mendaftar kursus-kursus yang diambil pada setiap semester. Pendaftaran kursus-kursus tersebut hendaklah dilakukan mengikut syarat- syarat yang ditetapkan oleh Fakulti. Pendaftaran untuk semester ke-3 adalah opsional;
- 3.4.2 Pelajar dikehendaki mendaftar tidak kurang dua belas (12) kredit dan tidak lebih daripada dua puluh (20) kredit pada tiap-tiap semester. Pendaftaran kurang daripada dua belas (12) kredit atau lebih daripada dua puluh (20) kredit hanya dibenarkan dengan kelulusan daripada Dekan. Untuk semester ketiga, pelajar dikehendaki mendaftar tidak kurang daripada satu (1) kursus dan tidak lebih daripada tiga (3) kursus;
- 3.4.3 Penukaran kursus yang didaftarkan boleh dilakukan hanya dalam tempoh dua (2) minggu pertama permulaan tiap-tiap semester. Untuk semester ke- 3 calon tidak dibenarkan menukar atau tambah kursus setelah semester bermula;
- 3.4.4 Pengguguran kursus yang didaftarkan boleh dilakukan dalam tempoh empat (4) minggu pertama penilaian tiap-tiap semester. Pengguguran selepas minggu ke-4 sehingga akhir minggu ke-8 akan diberikan gred TD. Kursus yang digugurkan ini tidak akan diambil kira di dalam Purata Nilai Gred. Untuk semester ke-3 calon dibenarkan menarik diri dari sesuatu kursus dan akan diberi gred TD.
- 3.4.5 Pelajar yang tidak mendaftar dalam tempoh empat minggu selepas semester bermula tanpa mendapatkan kebenaran secara bertulis untuk menangguhkan pengajian daripada Dekan akan diberi status “Diberhentikan sebab tidak mendaftar”.
- 3.4.6 Proses pengguguran kursus hendaklah mematuhi keperluan jam kredit minimum dan maksimum yang perlu diambil pada setiap semester seperti dinyatakan pada Perkara 3.4.2.
- 3.4.7 Permohonan bagi pertukaran taraf kursus hendaklah mendapat kelulusan Fakulti pemilik kursus. Bagi permohonan tukar taraf kursus ke taraf kursus audit (U), permohonan hendaklah dikemukakan selewat-lewatnya pada minggu keempat (ke-4) semester pengajian.

3.5 Pemindahan Kredit

3.5.1 Pemindahan kredit secara menegak boleh dilakukan oleh pelajar lepasan institusi pascapendidikan menengah berasaskan pemetaan mata pelajaran yang sesuai jika:

3.5.1.1 Kredit yang dipindahkan tidak boleh melebihi 30 peratus daripada jumlah keseluruhan kredit bagi satu program tertentu. Bagi pelajar lepasan diploma (Tahap 4, Kerangka Kelayakan Malaysia), pemindahan kredit boleh diberikan sehingga maksimum 50 peratus;

3.5.1.2 Pelajar yang berkenaan hendaklah mendapat gred tidak kurang dari C atau yang setara dengannya. Bagi pelajar lepasan diploma (Tahap 4, Kerangka Kelayakan Malaysia) hendaklah mendapat gred C atau yang setara dengannya ($\leq 30\%$) dan gred B atau setara dengannya (31 – 50%);

3.5.1.3 Hasil pembelajaran dan/atau kandungan kursus tersebut mempunyai persamaan dengan kursus-kursus di UKM tidak kurang daripada 80%.

3.5.1.4 Perbezaan magnitud kredit yang hendak dipindahkan itu hendaklah tidak melebihi 10% daripada kursus setara yang ada di UKM. Oleh kerana takrif kredit mungkin berbeza-beza dari satu institusi dengan institusi yang lain, perbandingan magnitud kredit boleh dilakukan melalui Masa Pembelajaran Pelajar (MPP). Jika MPP tidak dapat ditentukan, jumlah kredit untuk menamatkan pengajian boleh digunakan untuk melakukan perbandingan;

3.5.1.5 Kredit yang dipindahkan hendaklah daripada program yang mendapat akreditasi daripada Agensi Kelayakan Malaysia (MQA), badan profesional berautoriti atau agensi jaminan kualiti di negara berkenaan;

3.5.1.6 Kredit yang dipindahkan diambil kira untuk bergraduasi tetapi tidak digunakan dalam pengiraan Purata Nilai Gred (PNG) Semester dan Purata Nilai Gred Kumulatif (PNGK);

- 3.5.1.7 Kredit yang dipohon hendaklah tidak melebihi lima (5) tahun dari tarikh permohonan.
- 3.5.2 Pemindahan kredit secara mendatar boleh dilakukan oleh pelajar apabila pelajar bertukar program pengajian dari dalam atau luar Universiti dan/atau pelajar yang menyertai program mobiliti tertakluk kepada:
 - 3.5.2.1 Hasil pembelajaran dan/atau kandungan kursus yang dipadankan dalam kedua-dua program itu mestilah mempunyai persamaan tidak kurang daripada 80%;
 - 3.5.2.2 Pelajar yang hendak memindahkan kredit satu-satu kursus mestilah mendapat gred tidak kurang dari C.
 - 3.5.2.3 Kredit yang dipohon hendaklah tidak melebihi lima (5) tahun dari tarikh permohonan.
 - 3.5.2.4 Tiada had kredit tetapi pelajar adalah tertakluk kepada tempoh bermastautin seperti perkara 3.3.2
- 3.5.3 Pelajar yang ingin mendapat pemindahan kredit hendaklah mengemukakan permohonan rasmi kepada dekan fakulti masing-masing atau kepada wakil yang diberi kuasa.
- 3.5.4 Permohonan pemindahan kredit hendaklah disahkan oleh Mesyuarat Fakulti setelah mendapat perakuan jawatankuasa khas yang ditetapkan.
- 3.5.5 Kursus yang telah diluluskan pemindahan kredit tidak boleh ditarik balik oleh pelajar.
- 3.5.6 Keputusan permohonan pemindahan kredit pelajar akan dimaklumkan oleh Pendaftar/ Dekan Fakulti.

4. Struktur Penilaian

- 4.1 Pemberian nilai gred bagi setiap semester adalah untuk kerja kursus dan penilaian-penilaian lain yang diadakan di sepanjang semester dan akhir semester.

- 4.2 Bagi kursus yang ada peperiksaan akhir, komponen peperiksaan akhir adalah dari 30% - 70% daripada jumlah markah keseluruhan.
- 4.3 Gred dan nilai gred yang diberikan kepada sesuatu kursus adalah seperti berikut:

Gred	Nilai Gred	Taraf
A	4.00	Cemerlang
A-	3.67	
B+	3.33	Kepujian
B	3.00	
B-	2.67	
C+	2.33	Lulus
C	2.00	
C-	1.67	
D+	1.33	
D	1.00	Gagal
E	0.00	
L/K	Lulus/Kandas	
TL	Tidak Lengkap	
SM	Sedang Maju	
U	Audit	
TD	Tarik Diri	
TP	Tanggung Peperiksaan	
PK	Pindah Kredit	

- 4.4 Gred-gred berikut diberikan tanpa nilai gred:
- 4.4.1 L/K (Lulus/Kandas) iaitu gred yang diberikan kepada pelajar-pelajar yang mengambil kursus yang keputusannya tidak digredkan tetapi hanya diberi catatan “lulus” atau “kandas” sahaja.
- 4.4.2 TL (Tidak Lengkap) iaitu gred yang diberikan dengan kebenaran Fakulti kepada pelajar yang tidak dapat menyelesaikan sekurang-kurangnya 70% daripada keperluan kursus atas alasan yang munasabah. Pelajar perlu melengkapkan

tugas tersebut selewat-lewatnya dua (2) minggu selepas pendaftaran semester berikutnya untuk mendapat penilaian penuh dan gred.

- 4.4.3 SM (Sedang Maju) iaitu gred yang digunakan bagi sesuatu kerja atau projek yang melebihi satu semester untuk disiapkan. Ia tidak diberi mata nilai tetapi unit baginya hanya dikira untuk penentuan unit umum bagi sesuatu semester dan bukan untuk keperluan penilaian untuk mendapatkan ijazah. Unit dan nilai gred bagi kerja atau projek tersebut hanya diambil kira bagi maksud pengiraan jumlah unit untuk keperluan ijazah dan purata nilai apabila simbol SM digantikan dengan gred.
- 4.4.4 U (Audit) iaitu gred yang diberikan kepada pelajar yang mendaftar, mengikuti kursus dan mengambil peperiksaan bagi sesuatu kursus itu tetapi nilai gred tidak diberikan dan simbol tersebut hanya direkodkan jika pelajar lulus peperiksaan kursus itu. Sekiranya gagal akan direkodkan sebagai gred K.
- 4.4.5 TD (Tarik Diri) iaitu gred yang diberikan kepada pelajar yang menarik diri bagi sesuatu kursus pada minggu kelima hingga minggu kelapan sesuatu semester.
- 4.4.6 TP (Tangguh Peperiksaan) iaitu gred yang diberikan kepada pelajar yang memohon untuk menangguhkan peperiksaan di bawah perenggan 8.3. Peperiksaan gantian hendaklah diadakan seberapa segera yang mungkin berdasarkan keadaan kesihatan pelajar.
- 4.4.7 PK (Pindah Kredit) iaitu gred diberikan kepada pelajar yang diluluskan pemindahan kredit secara menegak atau mendatar. Kredit kursus yang dipindahkan diambil kira dalam kredit bergraduasi tetapi gred kursus tidak diambil kira dalam pengiraan PNG dan PNGK pelajar.

5. Sistem Penilaian dan Purata Nilai Gred (PNG)

- 5.1 Semua kursus akan diambil kira untuk mengira Purata Nilai Gred (PNG) Semester dan Purata Nilai Gred Kumulatif (PNGK) seperti pada perenggan 3.2. kecuali kursus-kursus yang ditetapkan oleh Fakulti.
- 5.2 Kursus-kursus yang mendapat gred “E” (gagal) juga diambil kira untuk menentukan Purata Nilai Gred (PNG) dan Purata Nilai Gred Kumulatif (PNGK) bagi semester berkenaan.

- 5.3 Gred bagi kursus-kursus ulangan adalah diambil kira untuk menentukan Purata Nilai Gred (PNG) dan Purata Nilai Gred Kumulatif (PNGK) bagi pelajar-pelajar yang mengulang dan dengan ini gred “E” (gagal) asal bagi kursus berkenaan digugurkan dalam pengiraan tertakluk kepada perenggan 7.3.
- 5.4 Pelajar dibenar mengulang kursus yang telah sedia lulus bagi tujuan memperbaiki gred iaitu bagi kursus-kursus yang mendapat gred C-, D+ dan D sahaja. Hanya gred bagi keputusan peperiksaan yang terakhir sahaja diambil kira di dalam PNGK sementara gred asal kursus berkenaan digugurkan. Projek latihan ilmiah, latihan industri dan praktikum tidak termasuk di dalam peraturan ini.
- 5.5 PNG akan ditentukan mengikut kaedah di bawah:

5.5.1 Purata Nilai Gred (PNG) Semester

Jumlah Nilai Gred (nilai gred X jam kredit) untuk semua kursus dibahagikan dengan jumlah jam kredit bagi semua kursus yang diambil pada sesuatu semester seperti pada perenggan 5.1 dan 5.3;

Rumus pengiraan PNG adalah seperti berikut:

$$\text{PNG} = \frac{\sum_{i=1}^n G_i U_i}{\sum_{i=1}^n G_i}$$

yang mana

G = Nilai gred kursus ke-i

U = Jam Kredit ke-i

n = Bilangan kursus yang telah diikuti pada semester

Contoh:

Semester I				
Kursus	Gred	Nilai Gred	Jam Kredit	Nilai Gred X Jam Kredit
XA1013	A	4.00	3	12.00
XB1013	B+	3.33	3	9.99
XC1013	A-	3.67	3	11.01
XD1512	E	0.00	2	0.00
XE1512	D	1.00	2	2.00
JUMLAH			13	35.00

$$\begin{aligned} \text{PNG Semester} &= \frac{35.00}{13} \\ &= 2.69 \end{aligned}$$

5.5.2 Purata Nilai Gred Kumulatif (PNGK)

Jumlah Nilai Gred (nilai gred X jam kredit) untuk semua kursus dibahagikan dengan jumlah jam kredit bagi semua kursus yang telah diikuti tertakluk kepada perenggan 5.1 dan 5.3. Rumus pengiraan PNGK sama seperti rumus pengiraan PNG.

Contoh:

Semester I				
Kursus	Gred	Nilai Gred	Jam Kredit	Nilai Gred X Jam Kredit
XA1013	A	4.00	3	12.00
XB1013	B+	3.33	3	9.99
XC1013	A-	3.67	3	11.01
XD1512	E	0.00	2	0.00
CE1512	D	1.00	2	2.00
Jumlah Kecil			13	35.00

Semester II

Kursus	Gred	Nilai Gred	Jam Kredit	Nilai Gred X Jam Kredit
XA1113	A	4.00	3	12.00
XB1313	B+	3.33	3	9.99
XC1153	C+	2.33	3	6.99
XD1363	A	4.00	3	12.00
XE1512	D	1.00	2	2.00
Jumlah Kecil			14	42.98
JUMLAH BESAR			27	77.98
PNGK	=	$\frac{77.98}{27}$		
	=	2.88		

- 5.6 Fakulti dibenar memasukkan pemberat dalam pengiraan Purata Nilai Gred Kumulatif (PNGK) Fakulti masing-masing untuk tujuan pengurniaan ijazah tertakluk kepada kelulusan Senat.

6. Syarat-syarat Kelayakan Meneruskan Pengajian**6.1 Taraf Lulus:**

- 6.1.1 Seseorang pelajar dianggap Lulus dan dibenar meneruskan pengajian jika mendapat PNGK 2.00 atau lebih (> 2.00).

6.2 Taraf Lulus Bersyarat:

- 6.2.1 Seseorang pelajar dianggap Lulus Bersyarat dan diberi amaran jika mendapat PNGK di antara 1.00 dengan 1.99 ($1.00 < \text{PNGK} < 2.00$).

- 6.2.2 Seseorang pelajar tidak dibenarkan berada di dalam taraf Lulus Bersyarat dua semester berturut-turut, tidak termasuk semester pertama pengajiannya. Ini bermakna jika pelajar masih

memperolehi PNGK kurang daripada 2.00 pada semester berikutnya, setelah melalui syarat 6.2.1, pelajar akan dianggap gagal dan diberhentikan.

6.3 Taraf Gagal:

6.3.1 Seseorang pelajar dianggap Gagal dan diberhentikan jika mendapat PNGK kurang daripada 1.00 tidak termasuk semester pertama pengajiannya atau tidak memenuhi syarat-syarat yang disebutkan pada perenggan 6.2 di atas.

6.4 Penilaian PNGK bagi syarat- syarat 6.1, 6.2 dan 6.3 di atas akan hanya berkuatkuasa mulai semester kedua pengajian seseorang pelajar. Ini bermakna semua pelajar dibenar meneruskan pengajian ke semester kedua pengajiannya tanpa mengira keputusan peperiksaan semester pertamanya.

6.5 Penilaian Untuk Mendapatkan Ijazah

6.5.1 Seseorang pelajar mestilah memenuhi semua syarat berikut untuk dikurniakan ijazah Sarjana Muda dengan Kepujian:

6.5.1.1 mencapai PNGK sekurang-kurangnya 2.00 bagi semua kursus yang diambilnya tertakluk kepada perenggan 5.1, 5.2 dan 5.3 di atas;

6.5.1.2 mendapat sekurang-kurangnya seratus dua puluh (120) kredit kursus-kursus yang ditetapkan atau sejumlah kredit lain yang ditetapkan termasuk jumlah kredit kursus-kursus Universiti seperti pada perenggan 3.2.1. Bagi tujuan ini, pelajar dibenar untuk mengumpul kredit tambahan dengan tujuan untuk meningkatkan PNGKnya. Ini boleh dilakukan dengan mendaftar kursus lain yang ditetapkan oleh Fakulti atau mendaftar semula kursus yang telah sedia lulus tertakluk kepada perenggan 5.4.

6.5.2 Pengurniaan Ijazah

6.5.2.1 Pengurniaan ijazah adalah mengikut kelas seperti berikut:

PNGK	Ijazah Yang Dikurniakan
3.67 – 4.00	Ijazah Sarjana Muda dengan Kepujian (Cemerlang)
2.00 – 3.66	Ijazah Sarjana Muda dengan Kepujian

6.5.2.2 Ijazah boleh dikurniakan kepada Pelajar yang telah:

6.5.2.2.1 Memenuhi semua kehendak Peraturan ini;

6.5.2.2.2 Diperakui supaya diberi ijazah berkenaan oleh Jawatankuasa Pemeriksa dan disahkan oleh Senat;

6.5.2.2.3 Menjelaskan segala bayaran yang telah ditetapkan.

7. Peruntukan-peruntukan Lain

7.1 Seseorang pelajar tidak akan dibenarkan mengambil peperiksaan sesuatu kursus sekiranya Dekan telah memperakui bahawa pelajar berkenaan telah tidak mengikut sekurang-kurangnya 70% daripada keperluan kursus tersebut seperti yang ditetapkan oleh Fakulti.

7.2 Pelajar yang telah dikenal pasti oleh Fakulti untuk diberi bimbingan tambahan adalah diwajibkan menghadiri sesi bimbingan yang diatur oleh Fakulti masing-masing dan kegagalan menghadirinya boleh menjejaskan peluang mereka untuk mengambil peperiksaan.

7.3 Semua keputusan penilaian akhir semester yang diperolehi oleh pelajar akan dicatat di dalam rekod akademiknya.

7.4 Peperiksaan Ulangan Khas

7.4.1 Peperiksaan Ulangan Khas boleh diadakan bagi pelajar semester terakhir yang memerlukan hanya satu kursus untuk tujuan mendapatkan ijazah dan kursus tersebut hendaklah pernah diikuti. Peperiksaan tersebut hanya boleh diambil

sekali sahaja dan permohonannya hendaklah dibuat dalam masa empat (4) minggu selepas keputusan peperiksaan diumumkan.

- 7.4.2 Permohonan hendaklah dikemukakan kepada Pendaftar dengan disertakan bayaran yuran yang ditetapkan. Apabila diterima sesuatu permohonan, Pendaftar hendaklah merujukkannya kepada Dekan Fakulti berkenaan untuk mengaturkan peperiksaan tersebut.
- 7.4.3 Gred A hingga E hendaklah diberi kepada pelajar yang lulus peperiksaan ulangan khas dan gred ini hendaklah dikira dalam pengiraan PNG dan PNGK pelajar. Kaedah penilaian sama ada mengambil kira keseluruhan penilaian dalam komponen kursus atau peperiksaan ulangan khas secara komprehensif meliputi keseluruhan silibus kursus.
- 7.4.4 Sekiranya pelajar masih gagal kursus tersebut, pelajar dikehendaki mendaftar semula kursus.

7.5 Anugerah Dekan

- 7.5.1 Anugerah Dekan diberi kepada pelajar yang telah menunjukkan kejayaan dalam bidang akademik semasa menjalani pengajian di UKM.
- 7.5.2 Syarat dan Kelayakan.
 - 7.5.2.1 Pelajar mencapai Purata Nilai Gred (PNG) Semester sekurang-kurangnya 3.67, bagi minimum 12 kredit bagi sesuatu semester pengajian atau seperti kriteria yang ditetapkan oleh Fakulti berkaitan yang telah diluluskan oleh Senat;
 - 7.5.2.2 Pelajar tidak pernah dikenakan apa-apa tindakan tatatertib;
 - 7.5.2.3 Berdaftar secara rasmi sebagai pelajar UKM bagi menjalani sebarang program ijazah yang ditawarkan oleh mana-mana Fakulti dalam Universiti ini;
 - 7.5.2.4 Pelajar telah menjelaskan segala hutang dan bayaran kepada Universiti pada waktu pemilihan; dan

7.5.2.5 diperakui oleh Fakulti bahawa pelajar itu adalah layak untuk dicalonkan berdasarkan kriterium-kriterium yang diperuntukkan berhubung dengan paraturan ini.

7.5.3 Proses Pemilihan

7.5.3.1 Pemilihan Anugerah Dekan akan ditentukan dalam Mesyuarat Fakulti berdasarkan kepada syarat-syarat kelayakan seperti pada perkara 7.5.2 dalam peraturan ini;

7.5.3.2 penerima Anugerah Dekan tidak dihadkan kepada seorang sahaja bagi setiap Fakulti; dan

7.5.3.3 Sijil anugerah disampaikan kepada pelajar yang berjaya pada masa yang ditetapkan oleh Fakulti.

7.5.4 Bentuk Penghargaan

7.5.4.1 Penganugerahan adalah dalam bentuk sijil oleh Fakulti.

8. Penangguhan Pengajian, Kebenaran Tidak Mendaftar dan Penangguhan Peperiksaan

8.1 Pertimbangan Untuk Penangguhan Pengajian

8.1.1 Seseorang pelajar yang sakit boleh diberi penangguhan pengajian untuk semester tertentu oleh Dekan Fakulti dan disahkan oleh Mesyuarat Fakulti. Dalam kes-kes seperti ini perakuan daripada doktor yang terdiri daripada Doktor Kerajaan, Pegawai Perubatan Universiti, Doktor Panel Universiti atau Ahli Psikologi Klinikal atau Kaunselor bertauliah adalah diperlukan. Perakuan yang bukan daripada doktor Kerajaan, Pegawai Perubatan Universiti, Doktor Panel atau Ahli Psikologi Klinikal atau Kaunselor bertauliah boleh dipertimbangkan dalam kes-kes tertentu selepas pelajar berkenaan telah menjalani rawatan doktor berkenaan terlebih dahulu. Dalam kes sakit jiwa, kebenaran untuk mendaftar semula tertakluk kepada perakuan doktor yang berkenaan.

- 8.1.2 Seseorang pelajar yang menghadapi masalah lain daripada perenggan 8.1.1 di atas boleh juga diberi penangguhan pengajian untuk sesuatu semester oleh Dekan Fakulti dan disahkan oleh Mesyuarat Fakulti tertakluk kepada Dekan Fakulti berpuas hati bahawa masalahnya itu akan menjejaskan pembelajarannya pada semester berkenaan. Selain itu, seseorang pelajar juga boleh memohon penangguhan pengajian untuk mengikuti Tahun Berjeda (Gap Year).
- 8.1.3 Permohonan penangguhan pengajian bagi pelajar yang tidak mendaftar diri hendaklah dibuat dalam tempoh empat (4) minggu daripada tarikh sesuatu semester bermula. Bagi pelajar yang mendaftar diri, permohonan penangguhan pengajian hendaklah dilakukan sehingga minggu ke sepuluh (ke 10). Permohonan selepas minggu ke sepuluh (ke 10) tidak akan dipertimbangkan tetapi pelajar hendaklah memohon untuk menanggung peperiksaan.
- 8.1.4 Seseorang pelajar baharu yang telah diterima masuk tetapi belum mendaftar disebabkan sakit atau menghadapi masalah lain yang boleh menjejaskan pembelajarannya, dibenarkan membuat penangguhan pendaftaran diri sebagai pelajar dengan syarat ia memohon secara bertulis kepada Dekan Fakulti dengan mengemukakan alasannya selewat-lewatnya dua (2) minggu dari tarikh kuliah bermula. Apabila diluluskan oleh Dekan Fakulti, calon dikehendaki membayar wang proses permohonan penangguhan pendaftaran diri. Tempoh maksimum yang dibenarkan penangguhan pendaftaran diri adalah dua (2) semester kecuali atas sebab-sebab kesihatan. Tempoh tersebut tidak diambil kira sebagai sebahagian daripada keperluan maksimum yang dibenarkan bagi melayakkan diri untuk mendapatkan sesuatu ijazah.
- 8.1.5 Seseorang pelajar boleh memohon penangguhan pengajian kepada Dekan Fakulti untuk mengikuti program Tahun Berjeda (Gap Year). Permohonan hanya boleh dilakukan satu kali sahaja iaitu selepas satu tahun pengajian di universiti. Tempoh maksimum yang dibenarkan adalah dua (2) semester sahaja. Tempoh penangguhan pengajian ini tidak diambil kira sebagai sebahagian daripada keperluan maksimum pengajian.

8.2 Pertimbangan Untuk Tidak mendaftar

- 8.2.1 Pelajar yang telah mendapat pengesahan daripada doktor bahawa ia telah hamil antara enam hingga tujuh (6 - 7) bulan pada waktu pendaftaran dinasihatkan tidak mendaftar pada semester tersebut.
- 8.2.2 Seseorang pelajar boleh dibenarkan oleh Dekan Fakulti untuk tidak mendaftar pada sesuatu semester dengan syarat ia memohon secara bertulis kepada Dekan dengan mengemukakan alasannya.

8.3 Pertimbangan Bagi Penangguhan Peperiksaan

- 8.3.1 Pelajar yang sakit atau menghadapi gangguan-gangguan lain sebelum atau sewaktu peperiksaan boleh memohon kepada Dekan Fakulti dan disahkan oleh Mesyuarat Fakulti untuk menangguhkan pengambilan peperiksaan berkenaan. Permohonan untuk menangguhkan peperiksaan untuk sesuatu kursus berkenaan hendaklah dibuat selewat-lewatnya 48 jam selepas peperiksaan itu diadakan.
- 8.3.2 Permohonan untuk menangguhkan pengambilan peperiksaan semester atas sebab-sebab kesihatan hendaklah disertakan dengan pengesahan doktor yang merawat pelajar berkenaan seperti pada perenggan 8.1.1 di atas. Permohonan atas sebab-sebab lain boleh dipertimbangkan atas budi bicara Dekan dan disahkan oleh Mesyuarat Fakulti. Peperiksaan gantian boleh diatur berdasarkan kepada merit kes-kes tersebut.

8.4 Status Sebagai Pelajar Universiti

- 8.4.1 Pelajar yang telah diberi penangguhan pengajian dan kebenaran tidak mendaftar kecuali perenggan 8.1.5 akan hilang tarafnya sebagai pelajar Universiti dan dengan demikian beliau tidak berhak mendapat atau menggunakan kemudahan-kemudahan Universiti yang diberikan kepada pelajar sehingga beliau mendaftar semula selepas tempoh berkenaan.

8.5 Tempoh Pendaftaran Semester Semasa Penangguhan Pengajian/Tidak Mendaftar

- 8.5.1 Tempoh yang terlibat dengan penangguhan pengajian/tidak mendaftar atas sebab-sebab kesihatan dan mengikuti program

Tahun Berjeda (Gap Year) tidak diambil kira sebagai sebahagian daripada keperluan maksimum yang dibenarkan bagi melayakkan diri untuk mendapatkan sesuatu ijazah.

- 8.5.2 Tempoh semester yang terlibat dengan penangguhan pengajian/ tidak mendaftar atas sebab-sebab selain daripada kesihatan dan mengikuti program Tahun Berjeda (Gap Year) diambil kira (kecuali bagi tempoh dua semester yang pernah diambil dalam tempoh pengajian) sebagai sebahagian daripada keperluan maksimum yang dibenarkan bagi melayakkan diri untuk mendapat ijazah.
- 8.5.3 Tempoh penangguhan pengajian tidak boleh melebihi dua semester berturut-turut setiap kali kecuali atas sebab-sebab kesihatan. Tempoh maksimum yang dibenarkan untuk menggantungkan pendaftaran ialah sebanyak empat (4) semester kecuali atas sebab-sebab kesihatan.

9. Penyimpanan Kertas-kertas Jawapan Peperiksaan dan Rayuan-rayuan Terhadap Keputusan Peperiksaan

9.1 Kertas-kertas Jawapan Peperiksaan

- 9.1.1 Semua skrip jawapan pelajar bagi sebarang peperiksaan Universiti hendaklah diserahkan kepada Ketua Jabatan/ Ketua Program/ Pengerusi Pusat untuk disimpan.
- 9.1.2 Ketua Jabatan/ Ketua Program/ Pengerusi Pusat hendaklah menyimpan dengan selamat skrip jawapan itu untuk tempoh selama sekurang-kurangnya tiga bulan selepas pemberitahuan mengenai keputusan peperiksaan berkenaan dikeluarkan oleh Pendaftar.
- 9.1.3 Tertakluk kepada perenggan 9.1.4, semua skrip jawapan peperiksaan hendaklah dimusnahkan dengan secepat mungkin selepas genap tempoh tiga (3) bulan seperti yang tersebut dalam Peraturan-peraturan di atas.
- 9.1.4 Dalam kes -kes yang rayuan terhadap keputusan peperiksaan yang dibuat oleh seseorang pelajar, skrip-skrip jawapan berkenaan tidak boleh dimusnahkan kecuali selepas Fakulti telah mengesahkan keputusan penyemakan semula.

- 9.2 Rayuan Untuk Menyemak Semula Keputusan Penilaian Kursus
- 9.2.1 Sesuatu rayuan untuk menyemak semula keputusan penilaian kursus hendaklah disampaikan secara bertulis kepada Pendaftar oleh Pelajar yang berkenaan dalam masa dua (2) hingga empat (4) minggu kalendar selepas keputusan peperiksaan diumumkan. Sebarang rayuan yang diterima selepas tempoh ini tidak boleh diberikan pertimbangan.
- 9.2.2 Setiap rayuan yang dikemukakan hendaklah menyatakan kursus atau kursus-kursus yang diminta disemak semula.
- 9.2.3 Bayaran yuran mengikut jumlah yang ditetapkan bagi tiap-tiap satu kursus yang diminta disemak semula hendaklah disertakan dengan rayuan berkenaan. Bayaran ini tidak boleh dituntut balik kecuali sekiranya perubahan berlaku disebabkan kesilapan pensyarah.
- 9.2.4 Apabila diterima sesuatu rayuan, Pendaftar hendaklah merujukkannya kepada Dekan Fakulti berkenaan. Dekan Fakulti selepas berunding dengan Pengerusi Pusat/ Ketua Jabatan/ Ketua Program/ Penyelaras Kursus berkenaan boleh melantik suatu panel pemeriksa bagi menyemak semula keputusan penilaian kursus berkenaan.
- 9.2.5 Panel pemeriksa hendaklah terdiri daripada Ketua Jabatan/ Ketua Program/ Pengerusi Pusat, pemeriksa asal kursus berkenaan dan sekurang-kurangnya seorang pemeriksa lain yang bidangnya sama atau hampir sama dengan bidang berkenaan.
- 9.2.6 Perakuan-perakuan panel pemeriksa hendaklah dikemukakan bagi pertimbangan mesyuarat Fakulti. Keputusan Fakulti mengenai penilaian semula kursus-kursus berkenaan hendaklah dikemukakan bagi pengesahan Senat sebelum disampaikan kepada pelajar berkenaan, sekiranya ada perubahan.
- 9.2.7 Setiap keputusan yang dibuat oleh Fakulti menurut peraturan ini dan disahkan oleh Senat adalah muktamad dan sebarang rayuan selanjutnya terhadap keputusan tersebut tidak boleh dilayan.

9.3 Rayuan Untuk Meneruskan Semula Pengajian

9.3.1 Seseorang pelajar yang mendapat keputusan “Gagal dan Diberhentikan” oleh sebab gagal memenuhi syarat-syarat untuk meneruskan pengajian boleh mengemukakan rayuan terhadap keputusan tersebut. Permohonan dalam Fakulti/ Program yang sama akan hanya dipertimbangkan jika pelajar mengalami masalah kesihatan yang disahkan oleh Doktor Pakar Kerajaan. Bagi permohonan rayuan ke Fakulti/ Program lain perlu memenuhi syarat-syarat berikut:

9.3.1.1 Mendapat Purata Nilai Gred Kumulatif (PNGK) tidak kurang daripada 1.9;

9.3.1.2 Menunjukkan prestasi Purata Nilai Gred (PNG) Semester yang meningkat dalam dua semester terakhir;

9.3.1.3 Mempunyai kelayakan masuk yang setara dengan pelajar sedia ada di Fakulti/ Program;

9.3.1.4 Penawaran masuk bergantung kepada kekosongan tempat;

9.3.1.5 Pertukaran hanya dibenarkan sekali sahaja;

9.3.1.6 Pemindahan kredit tidak dibenarkan.

9.3.2 Setiap rayuan hendaklah dikemukakan kepada Pendaftar dalam tempoh empat (4) minggu selepas pengumuman rasmi keputusan peperiksaan dan setiap rayuan hendaklah disertai dengan bayaran yang ditetapkan. Bayaran ini tidak boleh dituntut balik. Sebarang rayuan yang diterima selepas tempoh tersebut tidak boleh diberikan pertimbangan.

9.3.3 Apabila diterima sesuatu rayuan, Pendaftar hendaklah merujukkannya kepada Dekan Fakulti berkenaan. Dekan Fakulti hendaklah melantik suatu Jawatankuasa Rayuan untuk mempertimbangkannya.

9.3.4 Jawatankuasa Rayuan tersebut hendaklah terdiri daripada Dekan sebagai Pengerusi, Timbalan Dekan yang berkaitan

dengan Hal Ehwal Akademik Pelajar, Ketua Jabatan/ Ketua Program/ Pengerusi Pusat yang berkenaan dan sekurang-kurangnya seorang ahli Fakulti yang berkaitan dengan pengajaran/pembelajaran bagi pelajar serta Pendaftar atau wakilnya sebagai Setiausaha.

9.3.5 Jawatankuasa tersebut hendaklah mempunyai kuasa-kuasa berikut:

9.3.5.1 Menerima atau menolak sesuatu rayuan;

9.3.5.2 Membuat keputusan terhadap semua rayuan yang dipertimbangkan;

9.3.5.3 Memperakukan kepada Fakulti keputusan yang telah dicapai terhadap semua rayuan yang dipertimbangkan dan memperakukan, jika ada, rayuan yang tidak layak dipertimbangkan.

9.3.6 Perakuan yang dibuat oleh Fakulti mengenai perkara tersebut hendaklah dikemukakan kepada Senat untuk pengesahan.

9.3.7 Setiap keputusan yang dibuat oleh Fakulti menurut peraturan ini dan disahkan oleh Senat adalah muktamad dan sebarang rayuan selanjutnya tidak akan dipertimbangkan.

9.4 Rayuan untuk meneruskan semula pengajian setelah “Diberhentikan sebab tidak mendaftar”

9.4.1 Seseorang pelajar yang diberhentikan kerana tidak mendaftar boleh mengemukakan rayuan untuk meneruskan pengajian secara bertulis kepada Pendaftar dalam tempoh tidak melebihi dua (2) semester dengan dikenakan bayaran proses dan denda lewat mendaftar seperti yang ditetapkan. Apabila diterima sesuatu rayuan, permohonan tersebut hendaklah dikemukakan kepada Fakulti untuk kelulusan.

9.4.2 Tempoh tidak mendaftar tidak dikira sebagai sebahagian keperluan maksimum yang dibenarkan untuk mendapat sesuatu ijazah.

9.5. Rayuan Tambah Masa Pengajian.

9.5.1 Seseorang pelajar boleh memohon tambah masa pengajian selepas tempoh maksimum dengan mengemukakan rayuan secara bertulis kepada Pendaftar tertakluk kepada maksimum dua (2) semester dengan dikenakan bayaran proses seperti yang ditetapkan. Apabila diterima sesuatu rayuan, permohonan tersebut hendaklah dikemukakan kepada Fakulti untuk kelulusan.

10. Umum

10.1 Senat berhak untuk mengambil tindakan yang wajar termasuk menggantung atau memberhentikan seseorang pelajar pada bila-bila masa jika pelajar didapati:

10.1.1 Memberi maklumat palsu berkenaan syarat kemasukan atau sepanjang tempoh pengajiannya atau bagi tujuan mendapatkan Ijazah;

10.1.2 Dalam keadaan ketidakupayaan mental atau fizikal yang disahkan oleh pakar perubatan;

10.1.3 Melebihi tempoh pengajian yang dibenarkan di bawah subperaturan 3.3.1.

10.2 Fakulti diberi kuasa menerima masuk seseorang sebagai Pelajar Tanpa Ijazah tertakluk kepada syarat yang ditetapkan oleh Fakulti.

10.3 Senat boleh membenarkan apa-apa pengecualian yang difikirkan sesuai daripada kehendak-kehendak Peraturan ini.

10.4 Fakulti boleh membuat apa-apa garis panduan sebagaimana perlu bagi maksud melaksanakan peruntukan peraturan ini dengan kelulusan Senat. Sekiranya terdapat apa-apa percanggahan di antara garis panduan dan Peraturan ini, peruntukan garis panduan yang bercanggah itu hendaklah terbatal setakat percanggahan itu.

10.5 Peraturan ini dan semua tafsiran mengenainya yang dibuat oleh Senat dari semasa ke semasa hendaklah berkuat kuasa terhadap pelajar yang bendaftar pada dan selepas tarikh berkuat kuasa Peraturan-peraturan ini.

- 10.6 Setiap pelajar adalah tertakluk kepada Akta Universiti dan Kolej Universiti 1971, Perlembagaan Universiti Kebangsaan Malaysia, statut, kaedah-kaedah dan peraturan-peraturan lain yang sedia terpakai di Universiti termasuk Kaedah-Kaedah Universiti Kebangsaan Malaysia (Tatatertib Pelajar-pelajar) 1999.
- 10.7 Peraturan-peraturan Universiti Kebangsaan Malaysia (Pengajian Sarjana Muda)1990 adalah dimansuhkan.

Dibuat pada 19 Ogos 2020 oleh Senat Universiti Kebangsaan Malaysia.

Hadiah-hadiah dan Pingat Universiti/Fakulti

Peringkat Universiti

Anugerah Pelajar Diraja
Anugerah Naib Canselor
Anugerah Tun Abdul Razak
Anugerah Tengku Ampuan Afzan
Pingat Emas Universiti
Hadiah Buku Universiti
Hadiah Syed Kechik
Basiswa Kanan Universiti
Hadiah Buku Koperasi Unikeb
Anugerah Alumni
Hadiah Anugerah Tesis Cemerlang Kursi Pembangunan LESTARI UKM-YSD
Teknologi Sisa Sifar

Peringkat Fakulti

Hadiah Sham Sani
Hadiah Pingat Emas Persatuan Sejarah
Hadiah DP Shuhaimi Baba
Hadiah Inspektor Jeneral
Hadiah Syed Arabi Idid
Hadiah Samsudin A.Rahim
Hadiah Prof. Dato' Dr. Mohammad Agus Yusoff
Hadiah Pelajar Cemerlang Pusat Kajian Bahasa dan Linguistik

Varsiti Kita

Lihat kampusku yang tenang
Damainya alam ciptaan Tuhan
Paduan ilmu dan keimanan
Amal dan jernih digabungkan

Lautan ilmu kita harumkan
Sumber ilmuan berkembang

Inilah varsiti kita
Ditengahkan hasrat rakyat kita
Dari mula untuk semua
Bagai tanda perjuangan kita

Bangun berbakti membela
Memupuk insan jiwa bertakwa
Memimpin manusia semua
Kenal akan adat unggulnya

Membina negara senantiasa
Maju berilmu dan bahagia

Inilah varsiti kita
Ditengahkan hasrat rakyat kita
Dari mula untuk semua
Bagai tanda perjuangan kita

Pengubah
Nazri Ahmad

Ilmu, Mutu dan Budi

Ilmu, Mutu dan Budi
Itulah harga diri
Hidup siswa siswi
Harapan ibu pertiwi

Ilmu, Mutu dan Budi
Itulah pelita hati
Asas pembinaan peribadi
Untuk menabur bakti

Itulah pegangan hidup kami
Sumber kekuatan rohani
Mutiara peradapan asli
Titian hidup abadi

Ilmu, Mutu dan Budi
Itulah pusaka sejati
Menuju cita-citi murni
Semoga Tuhan memberkati

Pengubah
Zubir Ali

Lirik
Haji Salleh Haji Yusof

**Ahli Jawatankuasa
Penerbitan Buku Panduan Prasiswazah
Fakulti Sains Sosial dan Kemanusiaan
Sesi Akademik 2023/2024**

Penasihat

Prof. Dr. Kadaruddin Aiyub
Dekan

Penyelaras

Prof. Madya Dr. Wan Shahrazad Wan Sulaiman
Timbalan Dekan (Prasiswazah)

Editor

Prof. Madya Dr. Wan Shahrazad Wan Sulaiman
Timbalan Dekan (Prasiswazah)

Ahli Jawatankuasa

Prof. Madya Dr. Suraiya Ishak
Prof. Madya Dr. Mohamed Zain Sulaiman
Dr. Kesumawati A. Bakar
Dr. Harishon Radzi
Dr. Nurul-Azza Abdullah
Dr. Sa'adiyah Ma'alip
Dr. Suffian Mansor
Dr. Azlina Abdullah
Dr. Norulhuda Sarnon@Kusenin
Dr. Mohd. Yuszaidy Mohd. Yusoff
Dr. Muhamad Nadzri Mohamed Noor
Dr. Hasrul Hashim
Dr. Lam Kuok Choy
Puan Najwa Ahmad Zawawi
Puan Nur Syafawati Mohd. Kahar

Reka letak

Puan Norrihan Rahim